



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015

PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN  
JABATAN/AGENSI DAN  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

**NEGERI KELANTAN  
SIRI 1**





# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015

PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN  
JABATAN/AGENSI DAN  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

---

NEGERI KELANTAN  
SIRI 1

Jabatan Audit Negara Malaysia





---

# KANDUNGAN

---



---

# KANDUNGAN

---

vii	<b>KATA PENDAHULUAN</b>
xi	<b>INTISARI LAPORAN</b>
	<b>BAHAGIAN I</b>
	<b>AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI</b>
	<b>JABATAN KERJA RAYA</b>
	<b>PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN KOTA BHARU</b>
	<b>PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN BACHOK</b>
	<b>MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU - BANDAR RAYA ISLAM</b>
	<b>MAJLIS DAERAH BACHOK</b>
3	Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri
	<b>MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU – BANDAR RAYA ISLAM</b>
21	Pengurusan Tunggal Hasil
	<b>PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN</b>
31	Air Kelantan Sdn. Bhd.
	<b>BAHAGIAN II</b>
	<b>PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN</b>
	<b>JABATAN/AGENSI NEGERI</b>
57	Pendahuluan
57	Penambahbaikan Pengurusan Kewangan Oleh Jabatan/Agensi Negeri
58	Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti
59	Objektif Pengauditan
59	Skop Dan Metodologi Pengauditan
59	Kawalan Utama
71	Penemuan Audit
76	Pemeriksaan Audit Mengejut
78	Syor Audit
81	<b>PENUTUP</b>







---

# KATA PENDAHULUAN

---



---

# KATA PENDAHULUAN

---

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.
2. Laporan ini mengandungi 2 bahagian iaitu Bahagian I - Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri manakala Bahagian II - Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi. Bahagian I melaporkan pengauditan yang telah dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 3 Jabatan, 2 Agensi Negeri dan 1 Syarikat Kerajaan Negeri. Bahagian II pula melaporkan pengauditan pengurusan kewangan yang dijalankan di 18 Jabatan/Agensi dan Pemeriksaan Audit Mengejut di 12 Jabatan/Pejabat/Agensi.
3. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum Laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 15 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat berkenaan.
4. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2015 Siri 1 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepertimana dihasratkan oleh Kerajaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



**(TAN SRI DATO' HAJI AMBRIN BIN BUANG)**

**Ketua Audit Negara**

**Malaysia**

**Putrajaya**

**18 Mac 2016**



---

# INTISARI LAPORAN

---



---

# INTISARI LAPORAN

---

## BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. **JABATAN KERJA RAYA**  
**PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN KOTA BHARU**  
**PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN BACHOK**  
**MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU - BANDAR RAYA ISLAM**  
**MAJLIS DAERAH BACHOK**  
- **Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri**

1.1. Mengikut Bahagian 2 Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan, Jalan Negeri bererti mana-mana jalan awam dan jalan-jalan lain yang boleh dilalui oleh orang ramai selain daripada Jalan Persekutuan yang diwartakan di bawah Akta Jalan Persekutuan 1959. Manakala penyenggaraan Jalan Negeri di bawah peruntukan yang sama bermaksud penjagaan dan pemuliharaan jalan, longkang, pembedungan dan jambatan, perabot jalan, jejambat/jejantas dan terowong yang menjadi sebahagian dari jalan itu. Mengikut Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan dikehendaki memberi Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri bertujuan untuk membantu Kerajaan Negeri menyenggara Jalan Negeri di Negeri masing-masing. Bagi melayakkan Kerajaan Negeri menerima pemberian daripada Kerajaan Persekutuan, setiap Jalan Negeri hendaklah didaftarkan dalam Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia atau *Malaysian Road Record Information System* (MARRIS) yang disediakan oleh Kementerian Kewangan iaitu satu aplikasi yang digunakan untuk merekodkan maklumat-maklumat jalan merangkumi panjang, lebar dan bahu jalan. Maklumat-maklumat ini akan digunakan sebagai asas pengiraan pemberian geran penyenggaraan Jalan Negeri oleh Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2013 hingga 2015, Kerajaan Negeri telah menerima pemberian penyenggaraan Jalan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM556.64 juta dan telah diperakaunkan di dalam Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM401.18 juta atau 72.1% telah dibelanjakan daripada keseluruhan pemberian yang diterima bagi melaksanakan kerja penyenggaraan Jalan Negeri dalam tempoh tersebut.

1.2. Jabatan/Agensi Pelaksana bagi kerja-kerja penyenggaraan Jalan Negeri di Negeri Kelantan terdiri daripada Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan (JKR), Pejabat Tanah Dan Jajahan (PTJ) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). JKR bertanggungjawab menyenggara Jalan Raya Negeri manakala Jalan Perbandaran dan Jalan Kawasan Perumahan Kos Rendah serta Lorong Belakang oleh PBT dan Jalan Kampung serta Jalan Pertanian oleh PTJ. Mengikut Laporan MARRIS pada 31 Disember 2015, jumlah panjang Jalan Negeri di Negeri Kelantan yang didaftarkan adalah sepanjang 20,021.22 kilometer (km). Daripada

jumlah ini, JKR bertanggungjawab menyelenggara jalan sepanjang 4,532.99 km, PBT 3,305.69 km dan PTJ 11,901.45 km. Manakala JPS mula mendaftarkan Jalan Pertanian pada tahun 2015 sepanjang 281.10 km.

**1.3.** Pengauditan yang dijalankan pada bulan Ogos hingga November 2015 mendapati prestasi perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri (KAPJN) menunjukkan peningkatan iaitu dari 47.3% pada tahun 2013 kepada 76.6% pada tahun 2014 dan 90.6% pada tahun 2015. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Pemberian tahunan tidak dibelanjakan secara optimum untuk tujuan penyelenggaraan jalan raya.
- Kerja penyelenggaraan yang diperlukan tidak dilakukan.
- Perubahan kerja dibuat tanpa melalui jawatankuasa sebut harga.
- Caj tinggi dikenakan oleh kontraktor bagi mengadakan bon pelaksanaan.
- Sebanyak 9 bayaran kemajuan kerja melibatkan sejumlah RM25.78 juta telah dibuat kepada Syarikat melebihi tempoh yang dibenarkan.

**1.4.** Bagi menambah baik pengurusan penyelenggaraan jalan negeri pihak Audit mengesyorkan Pejabat Perbendaharaan Negeri, JKR, PPN, Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat SUK, PTJ dan PBT mengambil tindakan seperti berikut:

**1.4.1.** Pejabat Perbendaharaan Negeri dan semua agensi pelaksana perlu memastikan pemberian KAPJN dibelanjakan secara optimum supaya kerja penyelenggaraan yang diperlukan dapat dibuat dengan lebih meluas. Kerja penyelenggaraan perlu dilaksanakan segera bagi memberi keselamatan dan keselesaan kepada pengguna.

**1.4.2.** Sebarang perubahan kerja perlu diputuskan melalui jawatankuasa sebut harga.

**1.4.3.** Agensi pelaksana perlu menetapkan caj perkhidmatan yang munasabah bagi mengadakan bon pelaksanaan.

**1.4.4.** Pejabat Perbendaharaan Negeri dan agensi pelaksana perlu memastikan kontrak kerja ditandatangani dalam tempoh dan bayaran kemajuan dibuat mengikut peraturan ditetapkan.

## **2. MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU – BANDAR RAYA ISLAM**

### **- Pengurusan Tunggakan Hasil**

**2.1.** Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) merupakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) bertujuan untuk mengatur, mengawal, merancang dan melaksanakan pembangunan serta kegunaan tanah dan bangunan dalam kawasan penguatkuasaannya. Antara aktiviti utama yang dijalankan ialah seperti pengurusan cukai taksiran, pengurusan lesen perniagaan dan pajakan pasar, menyediakan kemudahan infrastruktur untuk projek



kesejahteraan rakyat, meluluskan permohonan pembangunan dan mendirikan bangunan dalam kawasan, menyediakan kemudahan ruang niaga untuk peniaga kecil, kebersihan dan pelupusan sampah dan lain-lain perkhidmatan.

**2.2.** Bagi membolehkan sesebuah PBT melaksanakan fungsi dan tanggungjawabnya dengan berkesan memerlukan sumber pendapatan yang besar. Pendapatan utama Majlis sebahagian besarnya adalah daripada cukai taksiran. Pendapatan lain adalah seperti bayaran perkhidmatan, lesen, pendaftaran dan permit, sumbangan daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri, sewaan dan pajakan dan lain-lain lagi. Bagi tahun 2013 pendapatan Majlis berjumlah RM53.51 juta meningkat kepada RM58.60 juta pada tahun 2014 tetapi menurun kepada RM57.57 juta pada tahun 2015.

**2.3.** Tunggakan hasil Majlis bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah masing-masing berjumlah RM5.68 juta bagi tahun 2013, RM4.01 juta bagi tahun 2014 dan RM4.81 juta bagi tahun 2015. Tunggakan hasil terkumpul Majlis pula sehingga 2015 adalah berjumlah RM25.12 juta melibatkan RM24.37 juta (97%) tunggakan hasil cukai taksiran dan RM0.75 juta (3%) tunggakan hasil sewaan dan pajakan.

**2.4.** Pengauditan yang dijalankan pada bulan Ogos hingga November 2015 mendapati secara keseluruhannya tunggakan hasil Majlis telah menunjukkan sedikit pengurangan dari RM25.33 juta pada tahun 2013 kepada RM25.12 juta pada tahun 2015. Bagaimanapun, pengurusan tunggakan hasil cukai taksiran MPKB-BRI adalah kurang memuaskan kerana kaedah pungutan tunggakan yang kurang berkesan dan tindakan susulan tidak dilaksanakan menyebabkan jumlah tunggakan terkumpul semakin meningkat setiap tahun. Pengurusan tunggakan MPKB-BRI perlu dibuat penambahbaikan dengan mengambil kira perkara yang dibangkitkan seperti berikut:

- Penguatkuasaan terhadap pemilik pegangan yang tertunggak tidak memadai dan kaedah secara mesyuarat kurang berkesan.
- Kelemahan penyelenggaraan rekod dan dokumen.

**2.5.** Bagi memastikan pengurusan tunggakan hasil Majlis dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan dan tunggakan hasil terkumpul dapat dikurangkan, adalah disyorkan pihak Majlis mempertimbangkan perkara berikut:

**2.5.1.** MPKB-BRI perlu menilai semula keberkesanan kaedah semasa yang dilaksanakan terhadap pengurusan tunggakan hasil supaya penambahbaikan dapat dilaksanakan dari semasa ke semasa dan penguatkuasaan perlu dijalankan secara berterusan.

**2.5.2.** MPKB-BRI perlu menjalankan tindakan berterusan menghantar notis, waran tahanan, penyitaan dan rampasan harta pemilik sebagaimana dinyatakan dalam Akta 171 bagi memastikan pemilik pegangan membayar cukai taksiran tepat pada waktunya.

**2.5.3.** MPKB-BRI perlu mengemas kini maklumat dan data di dalam Sistem Cukai Bandar berkomputer bagi tujuan pemantauan dan penguatkuasaan.

### **3. PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN**

#### **- Air Kelantan Sdn. Bhd.**

**3.1.** Pada 9 Mac 1994, pengurusan bekalan air di Kelantan telah diswastakan dan dikendalikan oleh Kelantan Waters (Malaysia) Sdn Bhd. Pada 11 Mei 1999, nama syarikat ditukar kepada Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB). AKSB merupakan milikan penuh syarikat Kelantan Utilities Mubaarakan Holdings Sdn. Bhd. (KUMH) yang dimiliki 100% oleh Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK). Modal dibenarkan bagi AKSB adalah berjumlah RM100 juta manakala modal berbayar berjumlah RM40 juta. Visi AKSB adalah menjadi sebuah syarikat pengendali air terunggul bertaraf dunia manakala misinya adalah menyediakan perkhidmatan air yang efektif kepada pelanggan berteraskan teknologi terkini dengan tenaga kerja yang komited dan profesional dalam persekitaran kerja yang kondusif.

**3.2.** Peranan utama AKSB ialah menyediakan perkhidmatan pengurusan dan pengendalian air kepada pengguna termasuk pengurusan operasi bekalan air di Negeri Kelantan, membekal air yang menepati kualiti yang telah ditetapkan, perunding dan pengurusan projek, kawalan air tidak berhasil (NRW), merancang dan melaksanakan pembangunan prasarana bekalan air, membaik pulih dan menaik taraf sistem sedia ada dan memungut hasil air. AKSB mempunyai 10 Ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada EXCO Kerajaan Negeri selaku pengerusi, 4 wakil Kerajaan, 2 wakil daripada Kumpulan PMBK, Ketua Pegawai Operasi KUMH, seorang mantan ADUN dan seorang ahli perniagaan. Pengurusan AKSB diketuai oleh Pengurus Besar dan dibantu oleh 748 kakitangan.

**3.3.** Pengauditan yang dijalankan pada 22 Jun 2015 hingga 9 November 2015 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan AKSB adalah memuaskan. Dari segi prestasi kewangan, AKSB mencatat keuntungan bersih dan juga keuntungan terkumpul bagi ketiga-tiga tahun. Bagaimanapun analisis nisbah menunjukkan trend penurunan bagi ketiga-tiga tahun. Pengurusan aktiviti adalah kurang memuaskan manakala tadbir urus korporat adalah memuaskan. Kelemahan yang diperhatikan dalam pengurusan AKSB adalah seperti berikut:

- Pengurusan dan prestasi Loji Rawatan Air (LRA) kurang memuaskan.
- Prestasi NRW tidak mencapai sasaran.
- 6 daripada 7 *Standard Operating Procedures* (SOP) AKSB belum diluluskan Lembaga Pengarah dan *Integrity Pact* belum dilaksanakan secara menyeluruh.

**3.4.** Bagi tujuan penambahbaikan dan mempertingkatkan prestasi syarikat, pihak Audit mengesyorkan AKSB mengambil langkah berikut:

**3.4.1.** Membuat perancangan yang terperinci dalam pembinaan dan menaik taraf LRA termasuk kajian impak dan kesesuaian pembinaan telaga jejari di LRA supaya pembaziran kos dapat dikurangkan, kuantiti dan kualiti air dapat dipertingkatkan.

**3.4.2.** Memastikan setiap peralatan yang digunakan disenggara secara berkala dan memanfaatkan peralatan yang sedia ada.

**3.4.3.** Pelupusan enap cemar mesti dilaksanakan dengan teratur mengikut peraturan dan undang-undang sebagai langkah memelihara alam sekitar.

**3.4.4.** Mencari sumber air mentah yang lebih berkualiti dan mencukupi daripada hulu sungai atau memiliki empangan/takungan air di hulu sungai.

## **BAHAGIAN II - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI**

**4.** Pencapaian pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Kelantan pada tahun 2015 secara amnya adalah baik. Hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan pada tahun 2015 adalah didapati pencapaian pengurusan kewangan di 13 Jabatan/Agensi Negeri adalah pada tahap cemerlang, 4 Jabatan/Agensi adalah pada tahap baik dan satu Jabatan adalah pada tahap memuaskan. Jabatan dan Agensi Negeri boleh mempertingkatkan pengurusan kewangan ke tahap yang lebih baik jika langkah-langkah penambahbaikan dijalankan oleh Jabatan/Agensi seperti mengadakan program latihan/kursus yang berterusan kepada pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan agar mereka dapat meningkatkan pengetahuan dan kompetensi dalam melaksanakan tugas.





---

BAHAGIAN I  
AKTIVITI  
JABATAN/AGENSI  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT  
KERAJAAN NEGERI

---



**JABATAN KERJA RAYA**  
**PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN KOTA BHARU**  
**PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN BACHOK**  
**MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU - BANDAR RAYA ISLAM**  
**MAJLIS DAERAH BACHOK**

**1. PENGURUSAN PENYENGGARAAN JALAN NEGERI**

**1.1. LATAR BELAKANG**

1.1.1. Mengikut Bahagian 2 Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan, Jalan Negeri bererti mana-mana jalan awam dan jalan-jalan lain yang boleh dilalui oleh orang ramai selain daripada Jalan Persekutuan yang diwartakan di bawah Akta Jalan Persekutuan 1959. Manakala penyenggaraan Jalan Negeri di bawah peruntukan yang sama bermaksud penjagaan dan pemuliharaan jalan, longkang, pembedungan dan jambatan, perabot jalan, jejambat/jejantas dan terowong yang menjadi sebahagian dari jalan itu. Mengikut Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan dikehendaki memberi Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri bertujuan untuk membantu Kerajaan Negeri menyenggara Jalan Negeri di Negeri masing-masing. Bagi melayakkan Kerajaan Negeri menerima pemberian daripada Kerajaan Persekutuan, setiap Jalan Negeri hendaklah didaftarkan dalam Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia atau *Malaysian Road Record Information System* (MARRIS) yang disediakan oleh Kementerian Kewangan iaitu satu aplikasi yang digunakan untuk merekodkan maklumat-maklumat jalan merangkumi panjang, lebar dan bahu jalan. Maklumat-maklumat ini akan digunakan sebagai asas pengiraan pemberian geran penyenggaraan Jalan Negeri oleh Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2013 hingga 2015, Kerajaan Negeri telah menerima pemberian penyenggaraan Jalan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM556.64 juta dan telah diperakaukan di dalam Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri (KAPJN). Daripada jumlah tersebut sejumlah RM401.18 juta atau 72.1% telah dibelanjakan daripada keseluruhan pemberian yang diterima bagi melaksanakan kerja penyenggaraan Jalan Negeri dalam tempoh tersebut seperti di **Jadual 1.1**.

**Jadual 1.1.**  
**Pemberian Kerajaan Persekutuan Dan Perbelanjaan**  
**Penyenggaraan Jalan Negeri Bagi Tempoh 2013 Hingga 2015**

Tahun	Pemberian (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus Perbelanjaan (%)
2013	178.59	84.52	47.3
2014	185.65	142.30	76.6
2015	192.40	174.36	90.6
<b>Jumlah</b>	<b>556.64</b>	<b>401.18</b>	<b>72.1</b>

Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan

**1.1.2.** Jabatan/Agensi Pelaksana bagi kerja-kerja penyenggaraan Jalan Negeri di Negeri Kelantan terdiri daripada Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan (JKR), Pejabat Tanah Dan Jajahan (PTJ) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). JKR bertanggungjawab menyenggara Jalan Raya Negeri manakala Jalan Perbandaran dan Jalan Kawasan Perumahan Kos Rendah serta Lorong Belakang oleh PBT dan Jalan Kampung serta Jalan Pertanian oleh PTJ. Mengikut Laporan MARRIS pada 31 Disember 2015, jumlah panjang Jalan Negeri di Negeri Kelantan yang didaftarkan adalah sepanjang 20,021.22 kilometer (km). Daripada jumlah ini, JKR bertanggungjawab menyenggara jalan sepanjang 4,532.99 km, PBT 3,305.69 km dan PTJ 11,901.45 km. Manakala JPS mula mendaftarkan Jalan Pertanian pada tahun 2015 sepanjang 281.10 km seperti di **Jadual 1.2**.

**Jadual 1.2.**  
**Panjang Jalan Negeri Kelantan Mengikut Jajahan Dan Jabatan/Agensi Pelaksana Pada 31 Disember 2015**

Bil.	Jajahan	Agensi Pelaksana				Jumlah (km)
		JKR (km)	PBT (km)	PTJ (km)	JPS (km)	
1.	Kota Bharu	769.21	698.27	1,797.04	-	3,264.51
2.	Pasir Puteh	482.58	498.77	2,050.77	-	3,032.11
3.	Bachok	208.19	191.22	728.47	-	1,127.88
4.	Tumpat	633.59	67.73	627.02	7.75	1,336.09
5.	Pasir Mas	686.84	479.85	1,705.67	-	2,872.36
6.	Tanah Merah	301.27	384.82	936.85	87.00	1,709.94
7.	Machang	629.43	277.59	699.21	132.35	1,738.58
8.	Kuala Krai	323.55	388.05	2,251.61	18.00	2,981.21
9.	Gua Musang	375.74	165.05	679.17	12.00	1,231.97
10.	Jeli	122.60	154.36	425.64	24.00	726.60
<b>Jumlah</b>		<b>4,532.99</b>	<b>3,305.69</b>	<b>11,901.45</b>	<b>281.10</b>	<b>20,021.22</b>

Sumber: Laporan MARRIS

## 1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan mencapai matlamat ditetapkan.

## 1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan tertumpu kepada pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri bagi tahun 2013 hingga November 2015. Pengauditan telah dilaksanakan di Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan, JKR Negeri, JKR Jajahan Bachok, Pejabat Pembangunan Negeri, Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat SUK, Pejabat Tanah Dan Jajahan Kota Bharu, Pejabat Tanah Dan Jajahan Bachok, Majlis Perbandaran Kota Bharu - Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) dan Majlis Daerah Bachok. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis data dan dokumen berkaitan. Selain itu lawatan serta perbincangan dengan pegawai yang terlibat juga diadakan bagi mendapatkan penjelasan lanjut mengenai pelaksanaan kerja penyenggaraan. *Exit Conference* bersama Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan, Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan, PTJ dan PBT terlibat telah diadakan pada 1 Mac 2016.



## 1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2015 mendapati prestasi perbelanjaan KAPJN menunjukkan peningkatan iaitu dari 47.3% pada tahun 2013 kepada 76.6% pada tahun 2014 dan 90.6% pada tahun 2015. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Pemberian tahunan tidak dibelanjakan secara optimum untuk tujuan penyenggaraan jalan raya.
- Kerja penyenggaraan yang diperlukan tidak dilaksanakan.
- Perubahan kerja dibuat tanpa melalui jawatankuasa sebut harga.
- Caj tinggi dikenakan oleh kontraktor bagi mengadakan bon pelaksanaan.
- Sebanyak 9 bayaran kemajuan kerja melibatkan sejumlah RM25.78 juta telah dibuat kepada Syarikat melebihi tempoh yang dibenarkan.

### 1.4.1. Prestasi Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah

**1.4.1.1.** Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan terimaan dan bayaran berkaitan kerja-kerja penyenggaraan Jalan Negeri.

**1.4.1.2.** Kerajaan Negeri telah menerima pemberian bagi penyenggaraan Jalan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM556.64 juta bagi tahun 2013 hingga 2015. Dari jumlah itu hanya sejumlah RM401.18 juta atau 72.1% telah dibelanjakan, baki sejumlah RM155.46 juta atau 27.9% tidak dibelanjakan. Baki wang pemberian yang tidak dibelanjakan merangkumi sejumlah RM94.07 juta pada tahun 2013, RM43.35 juta tahun 2014 dan RM18.04 juta pada tahun 2015. Pada tahun 2013 sejumlah RM178.59 juta pemberian penyenggaraan Jalan Negeri telah diterima bagaimanapun hanya RM84.52 juta atau 47.3% sahaja dibelanjakan. Pada tahun 2014, prestasi perbelanjaan mencatatkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya iaitu daripada RM185.65 juta pemberian diterima, sejumlah RM142.30 juta atau 76.6% telah dibelanjakan. Manakala pada tahun 2015 peningkatan perbelanjaan terus dicatatkan iaitu daripada RM192.40 juta wang pemberian diterima sejumlah RM174.36 juta atau 90.6% dibelanjakan berbanding sasaran perbelanjaan pada tahun 2015 iaitu 85%. Bagaimanapun jumlah baki terkumpul KAPJN terus mencatat peningkatan setiap tahun iaitu dari RM419.73 juta tahun 2012 kepada RM513.8 juta pada tahun 2013, RM557.15 juta tahun 2014 dan RM575.19 juta pada tahun 2015 seperti di **Jadual 1.3**.

**Jadual 1.3**  
**Prestasi Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah**  
**Penyenggaraan Jalan Negeri Bagi 3 Tahun**

Tahun	Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan	Jumlah Perbelanjaan Tahun Semasa		Baki Semasa KAPJN		Baki Terkumpul KAPJN
	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)
<b>Baki Dari Tahun Sebelum</b>						<b>419.73</b>
2013	178.59	84.52	47.3	<b>94.07</b>	<b>52.7</b>	<b>513.80</b>
2014	185.65	142.30	76.6	<b>43.35</b>	<b>23.4</b>	<b>557.15</b>
2015	192.40	174.36	90.6	<b>18.04</b>	<b>9.4</b>	<b>575.19</b>
<b>Jumlah</b>	<b>556.64</b>	<b>401.18</b>	<b>72.1</b>	<b>155.46</b>	<b>27.9</b>	

Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri

**1.4.1.3.** Semakan Audit seterusnya mendapati jumlah baki semasa KAPJN bagi tahun 2013 hingga 2015 tinggi antaranya disebabkan pemberian tahunan KAPJN tidak disalurkan sepenuhnya kepada Agensi Pelaksana. Didapati sejumlah RM123.88 juta atau 22.3% daripada jumlah pemberian tahun semasa bagi tahun 2013 hingga 2015 tidak disalurkan kepada Agensi pelaksana. Jumlah pemberian yang paling banyak tidak disalurkan kepada Agensi Pelaksana adalah pada tahun 2013 iaitu sejumlah RM86.92 juta atau 48.7% daripada pemberian diterima. Pada tahun 2014 sejumlah RM20.13 juta atau 10.8% daripada pemberian diterima tidak disalurkan dan RM16.83 juta atau 8.7% pada tahun 2015 seperti di **Jadual 1.4**. Perkara ini berlaku disebabkan tiada penanda aras/petunjuk prestasi utama (KPI) perbelanjaan ditetapkan oleh Kerajaan Negeri sebelum tahun 2015. KPI perbelanjaan mula ditetapkan pada tahun 2015 iaitu 85% daripada jumlah pemberian tahunan diterima. Perkara ini menyebabkan baki tahun semasa KAPJN bagi 3 tahun tinggi iaitu mencecah RM155.46 juta. **Maklum balas Pejabat Perbendaharaan Negeri bertarikh 9 Mac 2016 memaklumkan, pada tahun 2016 Pejabat Perbendaharaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM180 juta kepada agensi pelaksana.**

**Jadual 1.4**  
**Kedudukan Kumpulan Wang Yang Tidak Disalurkan kepada Agensi Pelaksana**  
**Bagi Tahun 2013 Hingga 2015**

Tahun	Pemberian Diterima	Pemberian Disalurkan		Pemberian Tidak Disalurkan		Perbandingan Dengan Jumlah Baki	Baki Tidak Habis Dibelanjakan Oleh Agensi Pelaksana	Jumlah Baki	
	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(%)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
2013	178.59	91.67	51.3	86.92	48.7	95.4	7.15	94.07	52.6
2014	185.65	165.52	89.2	20.13	10.8	46.4	23.22	43.35	23.4
2015	192.40	175.57	91.3	16.83	8.7	92.6	1.2	18.04	9.4
<b>Jumlah</b>	<b>556.64</b>	<b>432.76</b>	<b>77.7</b>	<b>123.88</b>	<b>22.3</b>	<b>79.7</b>	<b>31.57</b>	<b>155.46</b>	<b>27.9</b>

Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri

**Pada pendapat Audit, perbelanjaan yang mula meningkat dari tahun 2013 hingga 2015 adalah satu petanda yang baik di mana Kerajaan memberi perhatian yang berat dalam aspek penyenggaraan jalan raya.**

## 1.4.2. Prestasi Perbelanjaan Agensi Pelaksana

**1.4.2.1.** Pelaksanaan kerja penyenggaraan jalan negeri melibatkan JKR yang bertanggungjawab menyenggara Jalan Raya Negeri, PBT menyenggara Jalan Raya Bandaran, Jalan Kawasan Perumahan Kos Rendah dan Lorong Belakang. Manakala, PTJ bertanggungjawab menyenggara Jalan Kampung. Bagi Jalan Pertanian, sehingga tahun 2015 ia masih lagi dilaksanakan oleh JKR, PBT dan PTJ mengikut rekod yang didaftarkan dalam MARRIS. Jenis kerja penyenggaraan jalan oleh JKR, PTJ dan PBT melibatkan penyenggaraan berkala, penyenggaraan rutin dan kerja kecemasan. Kerja-kerja penyenggaraan ini sama ada dilaksanakan sendiri oleh Jabatan/Agensi Pelaksana atau kontraktor yang dilantik. Pelantikan kontraktor dibuat secara rundingan terus, sebut harga, kerja secara undian atau lantikan terus serta kontrak kerja bergantung pada nilai dan jenis kerja dilaksanakan.

**1.4.2.2.** Semakan Audit mendapati agensi pelaksana iaitu JKR, PTJ dan PBT telah melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan sebagaimana yang dirancang. Perancangan penyenggaraan dibuat berdasarkan peruntukan yang disalurkan pada tahun terdahulu. Prestasi perbelanjaan agensi pelaksana berbanding pemberian disalurkan adalah baik namun masih ada wang pemberian yang disalurkan tidak dibelanjakan sepenuhnya. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, daripada RM432.76 juta yang disalurkan kepada agensi pelaksana, sejumlah RM401.18 juta atau 92.7% telah dibelanjakan. Ia merangkumi RM84.52 juta atau 92.2% pada tahun 2013, RM142.30 juta atau 86% pada tahun 2014 dan RM174.36 juta atau 99.3% pada tahun 2015.

**1.4.2.3.** Pada tahun 2013 hingga 2015 sejumlah RM31.57 juta wang pemberian disalurkan tidak habis dibelanjakan. Ia melibatkan sejumlah RM7.15 juta pada tahun 2013, RM23.22 juta tahun 2014 dan RM1.2 juta pada tahun 2015. seperti di **Jadual 1.5**. Analisis Audit terhadap RM31.57 juta wang pemberian yang tidak habis dibelanjakan mendapati RM27.24 juta daripadanya oleh JKR, RM1.45 juta oleh PBT dan RM2.88 juta oleh PTJ seperti di **Jadual 1.6**. Pada tahun 2014, baki yang tidak dibelanjakan tinggi kerana banjir besar yang melanda seluruh negeri Kelantan pada penghujung tahun 2014 menjejaskan pelaksanaan program penyenggaraan Jalan Negeri. **Maklum balas Pejabat Perbendaharaan Negeri bertarikh 9 Mac 2016 memaklumkan, pada tahun 2016 Pejabat Perbendaharaan Negeri telah memperuntukkan masing-masing sejumlah RM30 juta kepada PTJ dan PBT berbanding RM18.50 juta dan RM23.60 juta pada tahun 2015.**

**Jadual 1.5**  
**Prestasi Perbelanjaan Agensi Pelaksana Bagi Pemberian Yang Disalurkan**  
**Tahun 2013 Hingga 2015**

Tahun	Pemberian Diterima (RM Juta)	Pemberian Disalurkan				Pemberian Dibelanjakan			Baki Tidak Dibelanjakan		
		Agensi Pelaksana	(RM Juta)	Jumlah	(%)	(RM Juta)	Jumlah	(%)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
2013	178.59	JKR	80.51	91.67	51.3	74.75	84.52	92.2	5.76	7.15	7.8
		PBT	7.64			3.34			1.21		
		PTJ	3.52			6.43			0.18		
2014	185.65	JKR	133.99	165.52	89.2	113.48	142.30	86.0	20.51	23.22	14.0
		PBT	13.30			13.20			0.10		
		PTJ	18.20			15.59			2.61		
		PN	0.03			0.03			-		
2015	192.40	JKR	133.47	175.57	91.3	132.50	174.36	99.3	0.97	1.20	0.7
		PBT	18.5			18.36			0.14		
		PTJ	23.6			23.50			0.09		
<b>Jumlah</b>	<b>556.64</b>		<b>432.76</b>	<b>432.76</b>	<b>77.7</b>	<b>401.18</b>	<b>401.18</b>	<b>92.7</b>	<b>31.57</b>	<b>31.57</b>	

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: JKR (Jabatan Kerja Raya)

PBT (Pihak Berkuasa Tempatan)

PTJ (Pejabat Tanah Dan Jajahan)

PN (Pejabat Perbendaharaan Negeri)

**Jadual 1.6.**  
**Baki Pemberian Disalur Yang Tidak Dibelanjakan**  
**Mengikut Agensi Pelaksana Bagi 3 Tahun**

Tahun	JKR	PBT	PTJ	Jumlah
2013	5.76	1.21	0.18	7.15
2014	20.51	0.10	2.61	23.22
2015	0.97	0.14	0.09	1.20
<b>Jumlah</b>	<b>27.24</b>	<b>1.45</b>	<b>2.88</b>	<b>31.57</b>

Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan

**Pada pendapat Audit semua Agensi Pelaksana boleh mempertingkatkan program penyenggaraan bagi memastikan wang pemberian yang disalurkan dapat dibelanjakan secara optimum.**

#### **1.4.3. Kerja Penyenggaraan Yang Diperlukan Tidak Dilaksanakan**

**1.4.3.1.** Kerja Penyenggaraan jalan terbahagi kepada 4 kategori utama iaitu Penyenggaraan Rutin (Berjadual), Penyenggaraan Berkala, Penyenggaraan Kecemasan dan Penyenggaraan Pencegahan (*Preventive*).

##### **a. Penyenggaraan Rutin (Berjadual)**

- i. Kerja-karya penyenggaraan rutin adalah kerja pembaikan ke atas kerosakan yang boleh dijangka dan dikawal daripada segi sifatnya dan penentuan masa pembaikan serta tidak membabitkan kelemahan struktur *pavement* jalan. Penyenggaraan ini terbahagi kepada beberapa jenis iaitu penyenggaraan *pavement* (tampal jalan), penyenggaraan bahu jalan, kerja-karya pemotongan rumput/landskap, penyenggaraan perabot jalan, penyenggaraan pembetung dan

jambatan, pembersihan longkang tepi jalan, serta penyenggaraan cerun, jejambat/jejantas dan terowong.

- ii. Lawatan Audit ke Jajahan Kota Bharu dan Bachok bersama JKR, PTJ dan PBT mendapati ada kerosakan jalan yang tidak dibaiki dan penyenggaraan rutin tidak dilaksanakan seperti di **Gambar 1.1** hingga **Gambar 1.20**.

**Gambar 1.1** Penyenggaraan *pavement* (menampal jalan) tidak dilakukan



**Gambar 1.2** Penyenggaraan *pavement* (menampal jalan) tidak dilakukan



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Kawasan Perumahan Kos Rendah, Desa Darul Naim, Pasir Tumbuh, Kota Bharu  
Tarikh: 15 September 2015

**Gambar 1.3** Bahu Jalan Tinggi



**Gambar 1.4**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: D5, Jalan Binjai – Gong Dermin, Kota Bharu  
Tarikh: 19 November 2015

**Gambar 1.5**

**Rumput Tidak Dipotong**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Lorong Joging, Kota Bharu  
Tarikh: 25 November 2015

**Gambar 1.6**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: D120 Beta Hulu – Kadok, Kota Bharu  
Tarikh: 17 September 2015

**Gambar 1.7**

**Perabot Jalan Tidak Disenggarakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: D126 Jalan Kadok – Padang Kala,  
Kota Bharu  
Tarikh: 17 September 2015

**Gambar 1.8**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: D110, Jalan Pasir Tumbuh –  
Gong Dermin Kota Bharu  
Tarikh: 3 Januari 2016

**Gambar 1.9**

**Perabot Jalan Tidak Disenggarakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: D126 Jalan Kadok – Padang Kala,  
Kota Bharu  
Tarikh: 17 September 2015

**Gambar 1.10**

**Longkang Tidak Disenggarakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: D110, Jalan Pasir Tumbuh –  
Gong Dermin Kota Bharu  
Tarikh: 28 Januari 2016

**Gambar 1.11**  
**Pagar Jambatan Tidak Disenggarakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan. Kg. Pulau Panjang, Kota Bharu  
Tarikh: 3 November 2015

**Gambar 1.12**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jambatan Kg. Pulau Panjang, Kota Bharu  
Tarikh: 3 November 2015

**Gambar 1.13**  
**Penutup Longkang Tidak Diganti**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Pemuda, Wakaf Stan, Kota Bharu  
Tarikh: 25 November 2015

**Gambar 1.14**  
**Pagar Jambatan Tidak Disenggarakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Kg. Melawi, Bachok  
Tarikh: 29 Oktober 2015

**Gambar 1.15**  
**Longkang Tidak Disenggarakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Sekolah Islah, Kota Bharu.  
Tarikh: 25 November 2015

**Gambar 1.16**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Kg. Sabak Kota Bharu  
Tarikh: 15 September 2015

**Gambar 1.17**  
**Bahu Jalan Tidak Disenggarakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Bandaran, Hadapan KB Mall,  
Kota Bharu  
Tarikh: 14 September 2015

**Gambar 1.18**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: D110, Jalan Pasir Tumbuh –  
Gong Dermin Kota Bharu  
Tarikh: 19 November 2015

**Gambar 1.19**  
**Lorong Belakang Tidak Disenggarakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lorong Belakang, Taman Uda, Kota Bharu  
Tarikh: 25 November 2015

**Gambar 1.20**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lorong Belakang, Taman Tanjung Chat,  
Kota Bharu  
Tarikh: 25 November 2015

## **b. Penyenggaraan Berkala**

- i.** Kerja-kerja penyenggaraan berkala ialah kerja yang memerlukan pemeriksaan dan penilaian sebelum dilaksanakan. Penyenggaraan ini terbahagi kepada beberapa jenis iaitu penyenggaraan *pavement* (menurap semula jalan), mengganti perabot jalan, mengecat jalan, mengganti saliran, memperbaiki cerun (atas dan bawah) memperbaiki jambatan dan pembetung yang menghubungkan jalan, menyenggara pokok-pokok di bahu jalan, menyenggara persimpangan jalan, menyenggara lampu jalan dan lampu isyarat.
- ii.** Lawatan Audit ke Jajahan Kota Bharu dan Bachok bersama JKR, PTJ dan PBT mendapati wujud kerosakan jalan yang tidak dibaiki dan penyenggaraan berkala tidak dilaksanakan seperti di **gambar 1.21** hingga **gambar 1.28**.



**Gambar 1.21**  
**Penyenggaraan *Pavement* (Menurap Semula Jalan) Tidak Dilakukan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: D115 Jalan Kadok – Kg Kor  
Tarikh: 17 September 2015

**Gambar 1.23**  
**Penyenggaraan *Pavement* (Menurap Semula Jalan) Tidak Dilakukan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Kampung, Jalan Aur Duri, Kota Bharu  
Tarikh: 4 November 2015

**Gambar 1.25**  
**Penyenggaraan *Pavement* (Menurap Semula Jalan) Tidak Dilakukan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Kampung, Padang Bongor – Kg. Karang, Banggu, DUN Demit, Kota Bharu  
Tarikh: 5 November 2015

**Gambar 1.27**  
**Garisan Tepi Tidak Dicat**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: D14 Jalan Ketereh – Kg. Kedondong,  
Kota Bharu  
Tarikh: 17 September 2015

**Gambar 1.28**  
**Dahan Pokok Tidak Dipotong**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: D126 Jalan Kadok – Padang Kala,  
Kota Bharu  
Tarikh: 17 September 2015

**1.4.3.2.** Keadaan ini berlaku disebabkan agensi pelaksana tidak mempunyai kaedah yang cekap bagi mengesan kerosakan jalan yang memerlukan penyenggaraan rutin dan penyenggaraan berkala. Selain daripada pemantauan yang tidak menyeluruh, pihak agensi pelaksana mengharapkan aduan daripada pengguna untuk diambil tindakan penyenggaraan jalan selain daripada laporan dari penghulu atau penggawa bagi PTJ. Agensi pelaksana seperti Pejabat Tanah Dan Jajahan dan Pihak Perkuasa Tempatan lebih tertumpu kepada kerja-kerja permukaan jalan dan skop penggunaan wang pemberian tidak tertumpu kepada penyenggaraan pagar jambatan dan longkang bagi jalan kampung, jalan kawasan perumahan kos rendah, jalan raya bandaran, lorong belakang dan jalan pertanian. Perkara ini menyebabkan jalan yang rosak tidak selesa dan berisiko kepada pengguna.

**1.4.3.3.** **Maklum balas JKR, PTJ dan PBT bertarikh 9 Mac 2016, memaklumkan kerja penyenggaraan rutin dilaksanakan mengikut keperluan iaitu berdasarkan kepada pemeriksaan, laporan dan aduan yang dikemukakan. Penyenggaraan dibuat oleh agensi pelaksana berdasarkan kemampuan peruntukan yang disalurkan. Mulai tahun 2016, tumpuan utama diberi kepada jalan-jalan kampung dan jalan-jalan di bawah pelaksanaan PBT. Ketiga-tiga agensi pelaksana juga telah mengambil tindakan penyenggaraan terhadap kerosakan yang dilaporkan oleh pihak Audit.**

**Pada pendapat Audit kaedah pemantauan kerosakan jalan perlu diperkemas bagi memastikan kerosakan jalan dapat disenggarakan dengan segera dan lebih menyeluruh.**

#### **1.4.4. Perubahan Kerja Tanpa Melalui Jawatankuasa Sebut Harga**

**1.4.4.1.** Arahan Perbendaharaan (AP) 202.3(ii), menyatakan sebarang perubahan kerja bagi perolehan secara sebut harga boleh dibenarkan setelah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Jawatankuasa Sebut Harga. Mengikut Arahan Perbendaharaan 202.1(a),

perubahan kerja ialah sebarang penyimpangan daripada butiran kerja asal yang dipersetujui berkaitan dengan pelan, spesifikasi dan/atau Senarai Kuantiti sama ada dipinda, ditambah atau dikurangkan. Manakala Arahan Perbendaharaan 202.3, menyatakan perubahan kerja bagi perolehan secara sebut harga dibenarkan sekiranya perlu dan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan antaranya:

- Peruntukan mencukupi;
- Kelulusan Jawatankuasa Sebut Harga diperoleh terlebih dahulu sebelum perubahan kerja dilaksanakan. Seorang daripada ahli Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah terdiri daripada Pegawai Teknikal; dan
- Jumlah perubahan kerja terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi 20% daripada nilai kontrak atau tidak melebihi RM100,000 mengikut mana yang terendah. Cadangan perubahan kerja terkumpul melebihi 20% daripada nilai kontrak atau RM100,000 hendaklah dirujuk untuk kelulusan Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

**1.4.4.2.** Semakan Audit mendapati perubahan kuantiti kerja-kerja *premix* bagi 37 sebut harga di JKR Negeri dibuat tanpa kelulusan Jawatankuasa Sebut Harga. Arahan perubahan kerja ini melibatkan pertambahan kos antara RM458 hingga RM18,228 bagi sebut harga bernilai antara RM56,170 hingga RM480,695. Ia terdiri daripada 8 sebut harga tahun 2013, 26 sebut harga tahun 2014 dan 3 sebut harga tahun 2015 seperti di **Jadual 1.7**. Kesan perubahan kerja tanpa kuasa ini menyebabkan Kerajaan membayar sejumlah RM219,747 tambahan terhadap kos asal.

**Jadual 1.7**  
**Jumlah Bayaran Melebihi Nilai Asal Sebut Harga**

Bil.	No. Baucar	Tarikh Baucar	Jumlah Dibayar (RM)	Nilai Asal Sebut Harga (RM)	Lebih (RM)
1.	V0000170	26/05/15	177,532.55	171,962.55	5,570.00
2.	V0000194	03/06/15	172,652.90	166,363.00	6,289.90
3.	V0000238	17/06/15	442,225.73	432,912.50	9,313.23
4.	V0000225	12/05/14	378,097.17	372,620.00	5,477.17
5.	V0000270	01/06/14	453,334.17	446,950.00	6,384.17
6.	V0000273	09/06/14	444,555.90	439,416.00	5,139.90
7.	V0000295	11/06/14	468,393.89	467,700.00	693.89
8.	V0000297	11/06/14	476,277.18	468,997.00	7,280.18
9.	V0000309	18/06/14	470,234.80	463,998.00	6,236.80
10.	V0000436	09/09/14	98,893.46	94,607.30	4,286.16
11.	V0000455	24/09/14	469,032.96	461,996.00	7,036.96
12.	V0000457	01/10/14	477,288.20	469,999.00	7,289.20
13.	V0000458	01/10/14	334,679.85	321,600.00	13,079.85
14.	V0000459	01/10/14	105,829.60	102,558.40	3,271.20
15.	V0000520	19/10/14	464,276.09	453,422.00	10,854.09
16.	V0000525	27/10/14	425,594.44	417,516.00	8,078.44
17.	V0000531	28/10/14	434,767.12	430,999.00	3,768.12
18.	V0000590	17/11/14	60,762.84	56,170.30	4,592.54
19.	V0000594	23/11/14	353,929.43	352,435.00	1,494.43
20.	V0000605	03/12/14	459,279.32	455,999.60	3,279.72
21.	V0000614	07/12/14	383,271.70	380,999.50	2,272.20

Bil.	No. Baucar	Tarikh Baucar	Jumlah Dibayar (RM)	Nilai Asal Sebut Harga (RM)	Lebih (RM)
22.	V0000621	08/12/14	456,772.59	451,910.00	4,862.59
23.	V0000652	10/12/14	420,394.31	413,900.00	6,494.31
24.	V0000674	15/12/14	420,723.34	415,530.00	5,193.34
25.	V0000679	17/12/14	453,945.34	450,750.00	3,195.34
26.	V0000682	18/12/14	450,247.55	446,904.74	3,342.81
27.	V0000695	21/12/14	446,928.52	445,610.00	1,318.52
28.	V0000701	21/12/14	454,067.71	453,610.00	457.71
29.	V0000726	24/12/14	464,887.91	458,180.00	6,707.91
30.	V0000230	18/06/13	463,493.29	453,000.00	10,493.29
31.	V0000231	18/06/13	479,116.12	465,822.00	13,294.12
32.	V0000234	24/06/13	492,827.94	474,600.00	18,227.94
33.	V0000237	01/07/13	485,211.29	480,695.00	4,516.29
34.	V0000238	01/07/13	398,577.34	393,968.00	4,609.34
35.	V0000253	08/07/13	470,517.90	465,700.00	4,817.90
36.	V0000313	28/07/13	456,343.53	450,700.00	5,643.53
37.	V0000653	17/12/13	195,893.73	191,010.00	4,883.73
<b>Jumlah</b>			<b>14,560,857.71</b>	<b>14,341,110.89</b>	<b>219,746.82</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

**1.4.4.3.** Contoh kes yang melibatkan perubahan kerja tanpa melalui Jawatankuasa Sebut Harga ialah kerja membaharui muka jalan bagi sebut harga No:KPPJ/N/S/04/2013. Ia melibatkan perubahan kuantiti dan harga bagi kerja-kerja *premix* seperti membekal dan menyembur *Bituminous Tack Coat* (RS-1K) atas permukaan jalan, Membekal '*Asphaltic Concrete Wearing Course*', membentang dan memampat '*Asphaltic Concrete Wearing Course*' setebal 50mm dan Mengangkut '*Asphaltic Concrete Wearing Course*' dari kuari ke tapak kerja yang kesemuanya menyebabkan pertambahan harga sejumlah RM18,228. Harga asal sebagaimana sebut harga ialah RM474,600 telah meningkat kepada RM492,828 seperti di **Jadual 1.8**.

**1.4.4.4.** **Maklum balas Pejabat Perbendaharaan Negeri bertarikh 9 Mac 2016, memaklumkan jawatankuasa khas siasatan telah ditubuhkan bagi menyiasat punca sebenar ketidakpatuhan AP 202. Pegawai Pengawal juga telah mengeluarkan surat arahan pematuhan yang jelas kepada ketiga-tiga Agensi Pelaksana bagi memastikan ia tidak berulang untuk kerja-kerja seterusnya.**

**Jadual 1.8**  
**Perbezaan Kuantiti dan Harga Bagi Sebut Harga No:KPPJ/N/S/04/2013**

Bil.	Keterangan	Unit	Kuantiti Asal	Kuantiti Sebenar	Kadar (RM)	Harga Asal (RM)	Harga Sebenar (RM)	Perbezaan (RM)
1.	Kerja Am dan Permulaan	Pukal				12,450.00	12,450.00	-
2.	<b>Kerja-kerja Premix:</b>							
	Membekal dan menyembur <i>Bituminous Tack Coat (RS-1K)</i> di atas permukaan jalan	m2	15,000	17,397.20	0.80	12,000.00	13,917.76	1,917.76
	Membekal ' <i>Asphatic Concrete Waering Course</i> '	Ton	1,650	1,696.10	201.00	331,650.00	340,916.10	9,266.10
	Membentang dan Memampat ' <i>Asphatic Concrete Waering Course</i> ' setebal 50mm.	m2	15,000	17,397.20	1.90	28,500.00	33,054.68	4,554.68
	Mengangkut ' <i>Asphatic Concrete Waering Course</i> ' dari kuari ke tapak kerja	Ton/km	148,500	152,649	0.60	89,100.00	91,589.40	2,489.40
	Kerja-kerja <i>coring</i> sebagaimana arahan pegawai penguasa	No.	5	5	180.00	900.00	900	-
<b>Jumlah</b>						<b>474,600.00</b>	<b>492,827.94</b>	<b>18,227.94</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

**Pada pendapat Audit, sebarang perubahan kerja perlu melalui Jawatankuasa Sebut Harga.**

#### **1.4.5. Caj Perkhidmatan Yang Tinggi Dikenakan Oleh Kontraktor Bagi Mengadakan Bon Pelaksanaan**

**1.4.5.1.** Mengikut Perkara 2 (b) Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PK4), Bon Pelaksanaan hendaklah dikenakan bagi perolehan kerja yang bernilai melebihi RM200,000. Selaras dengan itu, termasuk dalam '*Bill of Quantity*' sebut harga bernilai RM200,000 ke atas ialah caj perkhidmatan untuk mengadakan bon pelaksanaan yang mana caj ini akan dibayar oleh Kerajaan kepada kontraktor. Ia termasuk dalam kerja-kerja awalan dalam butiran sebut harga.

**1.4.5.2.** Semakan Audit mendapati 27 daripada 33 kontraktor mengenakan caj untuk mengadakan bon pelaksanaan yang tinggi antara RM2,000 hingga RM20,842 bagi setiap sebut harga berbanding 5 kontraktor hanya meletakkan caj antara RM500 sehingga RM700 dan satu kontraktor tidak mengenakan caj. Terdapat dua kes caj perkhidmatan bagi mengadakan Bon Pelaksanaan dikenakan lebih tinggi daripada nilai bon iaitu masing-masing sejumlah RM20,842 dan RM18,018 sedangkan nilai bon pelaksanaan ialah masing-masing RM20,695 dan RM9,849 seperti di **Jadual 1.9**.

**Jadual 1.9**  
**Caj Perkhidmatan Bagi Mengadakan Bon Pelaksanaan Di JKR Negeri**

Bil.	No. Baucar	Tarikh Bayaran	Nombor Sebut Harga	Nilai Sebut Harga (RM)	Nilai Bon Pelaksanaan (RM)	Caj Bagi Mengadakan Bon Pelaksanaan (RM)
1.	V0000652	10/12/2014	KPPJ/N/S/28/2014	413,900.00	20,695.00	20,842.00
2.	V0000520	19/10/2014	KPPJ/N/S/23/2014	453,422.00	22,671.10	20,000.00
3.	V0000238	01/07/2013	KPPJ/N/S/05/2013	393,968.00	9,849.20	18,108.00
4.	V0000594	23/01/2014	KPPJ/N/S/26/2014	352,435.00	17,621.75	17,000.00
5.	V0000313	28/07/2013	KPPJ/N/S/08/2013	450,700.00	11,267.50	10,000.00
6.	V0000458	01/10/2014	KPPJ/N/S/19/2014	321,600.00	16,080.00	10,000.00
7.	V0000270	01/06/2014	KPPJ/N/S/06/2014	446,950.00	22,347.50	10,000.00
8.	V0000682	18/12/2014	KPPJ/N/S/31/2014	446,904.74	22,345.25	9,000.00
9.	V0000225	12/05/2014	KPPJ/N/S/05/2014	372,620.00	18,631.00	8,000.00
10.	V0000234	24/06/2013	KPPJ/N/S/04/2013	474,600.00	11,865.00	8,000.00
11.	V0000237	01/07/2013	KPPJ/N/S/09/2013	480,695.00	12,017.40	5,500.00
12.	V0000726	24/12/2014	KPPJ/N/S/36/2014	458,180.00	22,909.00	5,000.00
13.	V0000729	24/12/2014	KPPJ/N/S/32/2014	234,280.00	11,714.00	5,000.00
14.	V0000531	28/10/2014	KPPJ/N/S/24/2014	430,999.00	21,549.95	5,000.00
15.	V0000455	24/09/2014	KPPJ/N/S/18/2014	461,996.00	23,099.80	5,000.00
16.	V0000673	15/12/2014	KPPJ/N/S/35/2014	455,580.00	22,779.00	5,000.00
17.	V0000695	21/12/2014	KPPJ/N/S/34/2014	445,610.00	22,280.50	5,000.00
18.	V0000231	18/06/2013	KPPJ/N/S/03/2013	465,822.00	11,645.55	5,000.00
19.	V0000309	18/06/2014	KPPJ/N/S/11/2014	463,998.00	23,172.50	4,748.00
20.	V0000679	17/12/2014	KPPJ/N/S/37/2014	450,750.00	22,537.50	3,000.00
21.	V0000457	01/10/2014	KPPJ/N/S/17/2014	469,999.00	23,499.95	2,500.00
22.	V0000297	11/06/2014	KPPJ/N/S/10/2014	468,997.00	23,449.85	2,000.00
23.	V0000614	07/12/2014	KPPJ/N/S/29/2014	380,999.50	19,050.00	2,000.00
24.	V0000605	03/12/2014	KPPJ/N/S/30/2014	455,999.60	22,800.00	2,000.00
25.	V0000525	27/10/2014	KPPJ/N/S/22/2014	417,516.00	20,875.80	2,000.00
26.	V0000273	09/06/2014	KPPJ/N/S/08/2014	439,416.00	21,970.80	2,000.00
27.	V0000238	17/06/2015	KPPJ/N/S/07/2015	432,912.50	21,645.50	2,000.00
28.	V0000230	18/06/2013	KPPJ/N/S/06/2013	453,000.00	11,325.00	700
29.	V0000253	08/07/2013	KPPJ/N/S/07/2013	465,700.00	11,642.50	500
30.	V0000674	15/12/2014	KPPJ/N/S/38/2014	415,530.00	20,776.50	500
31.	V0000621	08/12/2014	KPPJ/N/S/27/2014	451,910.00	22,595.50	500
32.	V0000701	21/12/2014	KPPJ/N/S/33/2014	453,610.00	22,680.50	500
33.	V0000295	11/06/2014	KPPJ/N/S/09/2014	467,700.00	23,385.00	-
<b>Jumlah</b>				<b>14,248,299.34</b>	<b>632,775.40</b>	<b>196,398.00</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

**1.4.5.3.** Perkara ini berlaku disebabkan Jawatankuasa Penilaian Harga tidak membuat penilaian terperinci terhadap setiap butiran di dalam BQ sebut harga yang dikemukakan oleh kontraktor. Selain itu tiada kadar khusus yang ditetapkan oleh agensi pelaksana terhadap caj yang boleh dikenakan.

**Pada pendapat Audit, caj perkhidmatan bagi mengadakan Bon Pelaksanaan perlu diselaraskan mengikut kadar yang ditetapkan.**

#### 1.4.6. Bayaran Kemajuan Kerja Dibuat Bagi Dokumen Kontrak Yang Lewat Ditandatangani

**1.4.6.1.** Mengikut 1PP – PK4 Perenggan 1(2)(b)(1), dokumen kontrak hendaklah ditandatangani dalam tempoh 4 bulan daripada tarikh keluarnya surat setuju terima. Mengikut 1PP – PK4 Perenggan 1(v), bayaran kemajuan bagi pelaksanaan kerja boleh dibuat sehingga (3) bayaran kemajuan dalam tempoh (4) bulan pertama selepas keluarnya surat setuju terima tawaran dan sebelum perjanjian ditandatangani secara rasmi. Sebarang bayaran selepas itu tidak boleh dibuat sehingga kontrak ditandatangani. Syarikat Selenggara Timur Sdn. Bhd. dilantik oleh Kerajaan Negeri sebagai syarikat konsesi bagi penyenggaraan jalan negeri bagi tempoh tahun 2014 hingga 2019 dengan nilai RM80 juta bagi 2 tahun pertama. Berdasarkan baucar bayaran interim, skop kerja yang telah dilaksanakan oleh syarikat ini termasuk kerja menurap jalan, penyenggaraan bahu jalan, memotong rumput, penyenggaraan jambatan dan pembetung, saliran dan pemeriksaan rutin bagi Jalan Raya Negeri seluruh negeri Kelantan.

**1.4.6.2.** Semakan Audit mendapati dokumen kontrak kerja penyenggaraan jalan Syarikat Selenggara Timur Sdn. Bhd. lewat ditandatangani sehingga 6 bulan dari tempoh sepatutnya. Kerajaan Negeri telah mengeluarkan surat setuju terima bertarikh 30 Oktober 2014, bagaimanapun kontrak hanya dimuktamadkan pada September 2015. Didapati sehingga Ogos 2015 sebanyak 9 bayaran kemajuan kerja melibatkan sejumlah RM25.78 juta telah dibuat kepada Syarikat tanpa tandatangan dokumen kontrak seperti di **Jadual 1.10**.

**Jadual 1.10**  
**Bayaran Interim Kepada Syarikat Selenggara Timur Sdn. Bhd.**

Bil.	Perihal	No Baucar	Tarikh	Jumlah	Wang Jaminan Pelaksanaan	Amaun	Status Bayaran
1.	Interim 1	V0000730	21/12/2014	380,200	38,020	342,180	Dibenarkan
2.	Interim 2	V0000731	31/12/2014	1,539,000	153,900	1,385,100	
3.	Interim 3	V0000070	11/03/2015	1,902,800	190,280	1,712,520	
4.	Interim 4	V0000079	29/03/2015	2,651,000	265,100	2,385,900	Tanpa dokumen kontrak
5.	Interim 5	V0000112	08/04/2015	3,840,500	384,050	3,456,450	
6.	Interim 6	V0000120	29/04/2015	6,230,800	623,080	5,607,720	
7.	Interim 7	V0000163	12/05/2015	2,358,300	235,830	2,122,470	
8.	Interim 8	V0000171	26/05/2015	2,038,300	203,830	1,834,470	
9.	Interim 9	V0000239	17/06/2015	2,242,500	224,250	2,018,250	
10.	Interim 10	V0000265	20/06/2015	2,043,900	204,390	1,839,560	
11.	Interim 11	V0000289	28/07/2015	2,367,700	236,770	2,130,930	
12.	Interim 12	V0000298	03/08/2015	2,008,000	200,800	1,807,200	
<b>Jumlah</b>				<b>29,603,000</b>	<b>2,960,300</b>	<b>26,642,750</b>	

Sumber: Jabatan Audit Negara

**1.4.6.3.** Didapati kelewatan untuk menandatangani kontrak ini berlaku disebabkan draf perjanjian mengambil masa yang lama untuk dimuktamadkan dan bayaran kemajuan kerja dibuat kerana permohonan daripada JKR telah mendapat kelulusan daripada

Pegawai Kewangan Negeri. Perkara ini menyebabkan Kerajaan Negeri terdedah kepada risiko sekiranya berlaku percanggahan antara kontraktor dengan Kerajaan.

**Pada pendapat Audit dokumen kontrak perlu ditandatangani mengikut tempoh ditetapkan dan bayaran kemajuan kerja perlu dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan.**

## **1.5. SYOR AUDIT**

Bagi menambah baik pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri pihak Audit mengesyorkan Pejabat Perbendaharaan Negeri, JKR, PPN, Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat SUK, PTJ dan PBT mengambil tindakan seperti berikut:

**1.5.1.** Pejabat Perbendaharaan Negeri dan semua agensi pelaksana perlu memastikan pemberian KAPJN dibelanjakan secara optimum supaya kerja penyenggaraan yang diperlukan dapat dibuat dengan lebih meluas. Kerja penyenggaraan perlu dilaksanakan segera bagi memberi keselamatan dan keselesaan kepada pengguna.

**1.5.2.** Sebarang perubahan kerja perlu diputuskan melalui jawatankuasa sebut harga.

**1.5.3.** Agensi pelaksana perlu menetapkan caj perkhidmatan yang munasabah bagi mengadakan bon pelaksanaan.

**1.5.4.** Pejabat Perbendaharaan Negeri dan agensi pelaksana perlu memastikan kontrak kerja ditandatangani dalam tempoh dan bayaran kemajuan dibuat mengikut peraturan ditetapkan.



---

## MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU - BANDAR RAYA ISLAM

---

### 2. PENGURUSAN TUNGGAKAN HASIL

#### 2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) merupakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) bertujuan untuk mengatur, mengawal, merancang dan melaksanakan pembangunan serta kegunaan tanah dan bangunan dalam kawasan penguatkuasaannya. Antara aktiviti utama yang dijalankan ialah seperti pengurusan cukai taksiran, pengurusan lesen perniagaan dan pajakan pasar, menyediakan kemudahan infrastruktur untuk kesejahteraan rakyat, meluluskan permohonan pembangunan dan mendirikan bangunan dalam kawasan, menyediakan kemudahan ruang niaga untuk peniaga kecil, kebersihan dan pelupusan sampah dan lain-lain perkhidmatan.

2.1.2. Bagi membolehkan MPKB-BRI melaksanakan fungsi dan tanggungjawabnya dengan berkesan memerlukan sumber hasil yang besar. Hasil utama MPKB-BRI sebahagian besarnya adalah daripada cukai taksiran. Hasil lain adalah seperti bayaran perkhidmatan, lesen, pendaftaran dan permit, sumbangan daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri, sewaan dan pajakan dan lain-lain lagi. Bagi tahun 2013 pendapatan MPKB-BRI berjumlah RM53.51 juta meningkat kepada RM58.60 juta pada tahun 2014 tetapi menurun kepada RM57.57 juta pada tahun 2015 sebagaimana ditunjukkan di **Jadual 2.1**.

**Jadual 2.1**  
**Pungutan Hasil MPKB-BRI Bagi Tahun 2013 Hingga 2015**

Bil.	Jenis Hasil	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)
1.	Cukai Taksiran	21.37	23.15	24.65
2.	Bayaran Perkhidmatan	8.44	10.01	8.43
3.	Lesen, Pendaftaran dan Permit	5.87	5.78	6.95
4.	Geran dan Pemberian	6.95	3.95	3.45
5.	Sumbangan Kerajaan Persekutuan/Negeri	3.35	5.09	4.41
6.	Sewaan dan Pajakan	3.38	3.86	4.12
7.	Jualan, Faedah dan Denda	3.27	4.34	3.14
8.	Sumbangan dan Bayaran Balik	0.88	2.42	2.42
<b>Jumlah</b>		<b>53.51</b>	<b>58.60</b>	<b>57.57</b>

Sumber: MPKB-BRI

2.1.3. Tidak semua hasil yang patut dipungut telah sebenarnya dipungut oleh MPKB-BRI dan sebahagiannya menjadi tunggakan hasil. Tunggakan hasil MPKB-BRI bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah masing-masing berjumlah RM5.68 juta bagi tahun 2013, RM4.01 juta bagi tahun 2014 dan RM4.81 juta bagi tahun 2015. Tunggakan hasil terkumpul MPKB-BRI pula sehingga 2015 adalah berjumlah RM25.12 juta melibatkan RM24.37 juta (97.0%)


tunggakan hasil cukai taksiran dan RM0.75 juta (3.0%) tunggakan hasil sewaan dan pajakan. Kedudukan tunggakan hasil MPKB-BRI bagi tahun 2013 hingga 2015 dan kedudukan tunggakan hasil MPKB-BRI mengikut jenis hasil pada tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 2.2** dan **Carta 2.1**.

**Jadual 2.2**  
**Prestasi Tunggakan Hasil MPKB-BRI Bagi Tahun 2013 Hingga 2015**

Tahun	Patut Pungut (RM Juta)	Pungutan Sebenar (RM Juta)	Tunggakan (RM Juta)	Peratus Tunggakan (%)	Tunggakan Terkumpul (RM Juta)
2013	26.65	20.97	5.68	21.3	25.33
2014	27.74	23.73	4.01	14.5	25.35
2015	28.58	23.77	4.81	16.8	25.12

Sumber: MPKB-BRI

**Carta 2.1**  
**Tunggakan Hasil MPKB-BRI Sehingga 2015 Mengikut Jenis Hasil**



Sumber: MPKB-BRI

## 2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada MPKB-BRI mengurus tunggakan hasil dengan cekap dan berkesan selaras dengan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

## 2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan terhadap pengurusan tunggakan hasil MPKB-BRI bagi tahun 2013 hingga 2015. Semakan Audit dijalankan terhadap rekod dan dokumen yang berkaitan dengan kutipan dan tunggakan seperti minit mesyuarat, anggaran hasil, laporan bulanan, laporan tahunan, laporan prestasi kewangan, rekod kewangan dan fail surat menyurat di pejabat MPKB-BRI. Selain itu, perbincangan dengan pegawai dan kakitangan Majlis, lawatan dan soal selidik dengan pemilik pegangan. Sejumlah 9,576 atau 17.0% sampel Audit yang berkaitan dengan tunggakan hasil cukai taksiran telah dipilih daripada 56,426 pegangan

yang aktif untuk disemak dan dianalisis. *Exit Conference* bersama MPKB-BRI telah diadakan pada 1 Mac 2016.

## **2.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Ogos hingga November 2015 mendapati secara keseluruhannya tunggakan hasil Majlis telah menunjukkan sedikit pengurangan dari RM25.33 juta pada tahun 2013 kepada RM25.12 juta pada tahun 2015. Bagaimanapun, pengurusan tunggakan hasil cukai taksiran MPKB-BRI adalah kurang memuaskan kerana kaedah pungutan tunggakan yang kurang berkesan dan tindakan susulan tidak dilaksanakan menyebabkan jumlah tunggakan terkumpul semakin meningkat setiap tahun. Pengurusan tunggakan MPKB-BRI perlu dibuat penambahbaikan dengan mengambil kira perkara yang dibangkitkan seperti berikut:

- Penguatkuasaan terhadap pemilik pegangan yang tertunggak tidak memadai dan kaedah secara mesyuarat kurang berkesan.
- Kelemahan penyelenggaraan rekod dan dokumen.

### **2.4.1. Prestasi Pungutan Tunggakan Hasil**

Tunggakan hasil MPKB-BRI melibatkan 2 jenis hasil iaitu hasil cukai taksiran dan hasil sewaan dan pajakan. Pengurusan hasil cukai taksiran dipertanggungjawabkan kepada Bahagian Cukai Bandar di bawah Jabatan Perbendaharaan manakala pengurusan hasil sewaan dan pajakan adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta dan Jabatan Pelesenan dan Kawalan Perniagaan. Pada tahun 2013 tunggakan hasil MPKB-BRI adalah berjumlah RM25.33 juta dan berkurang kepada RM25.12 juta pada tahun 2015. Pengurangan jumlah tunggakan tersebut adalah disebabkan tunggakan hasil sewaan dan pajakan telah dapat dipungut sepenuhnya pada tahun 2015. Walau bagaimanapun, tunggakan hasil cukai taksiran terkumpul telah menunjukkan peningkatan dari RM23.56 juta pada tahun 2013 kepada RM24.37 juta pada tahun 2015 melibatkan 32,923 pegangan. Jumlah pegangan yang tertunggak merupakan 55.2% daripada jumlah keseluruhan pegangan MPKB-BRI. Antara punca berlakunya peningkatan tunggakan hasil cukai taksiran adalah disebabkan MPKB-BRI tidak menguatkuasakan sepenuhnya peraturan dalam Akta 171 terhadap pegangan yang tertunggak pembayaran cukai taksiran. MPKB-BRI menggunakan kaedah pujukan melalui mesyuarat/perbincangan dengan penghutang dari semasa ke semasa manakala pengeluaran waran tahanan dan sitaan dibuat secara tidak menyeluruh. Maklumat prestasi pungutan tunggakan hasil adalah seperti di **Jadual 2.3**.

**Jadual 2.3**  
**Prestasi Pungutan Tunggakan Hasil**  
**MPKB-BRI Bagi Tahun 2013 Hingga 2015**

Perkara	2013 (RM Juta)		2014 (RM Juta)		2015 (RM Juta)	
	Cukai	Sewa & Pajak	Cukai	Sewa & Pajak	Cukai	Sewa & Pajak
Tunggakan Tahun Lepas	22.80	1.70	23.56	1.77	23.81	1.54
Tunggakan Dipungut	3.70	0.01	3.20	0.12	3.47	1.53
Hapuskira	0.84	0.01	0.34	0.61	0.04	0.01
<b>Baki Tunggakan</b>	<b>18.26</b>	<b>1.68</b>	<b>20.04</b>	<b>1.04</b>	<b>23.30</b>	<b>0.00</b>
<b>Bil. Pegangan Yang Tertunggak</b>	<b>31,543</b>	<b>-</b>	<b>35,581</b>	<b>-</b>	<b>32,563</b>	<b>-</b>

Sumber: MPKB-BRI

#### **2.4.2. Penguatkuasaan Terhadap Pemilik Pegangan Yang Tertunggak Tidak Memadai Dan Kaedah Secara Mesyuarat Kurang Berkesan**

**2.4.2.1.** Seksyen 147 Akta 171 antara lain menyatakan, pegangan harta yang belum dijelaskan cukai taksiran sehingga akhir bulan Februari atau bulan Ogos boleh dikenakan bayaran denda lewat dan cukai yang tidak dijelaskan itu disifatkan sebagai suatu tunggakan. Manakala, seksyen 148 Akta memberi kebenaran kepada MPKB-BRI mengeluarkan Notis Supaya Membayar Tunggakan Kadar (Borang E) dan seterusnya mengeluarkan waran tahanan dan notis mengenai inventori yang akan disita kepada pemilik yang gagal membuat bayaran tunggakan cukai taksiran dalam masa 15 hari selepas Borang E dipos atau diserahkan. Pegawai MPKB-BRI boleh menyita apa-apa harta alih yang dipunyai oleh pemilik atau penduduk yang bertanggungjawab membayarnya. Selain itu, seksyen 149 Akta pula memberi hak kepada MPKB-BRI menjual harta alih yang dirampas secara lelongan awam atau serta merta bagi jenis barangan mudah rosak untuk menjelaskan jumlah tunggakan selepas 7 hari dari tarikh waran tahanan diserahkan. Sekiranya penggunaan seksyen 148 masih tidak berkesan, seksyen 151 membenarkan pegangan yang mempunyai tunggakan terkumpul ditahan dan dijual melalui Pendaftar Mahkamah Tinggi.

**2.4.2.2.** Pihak Audit mendapati, MPKB-BRI telah menguatkuasakan Akta 171 secara terpilih di mana pemilik yang mempunyai tunggakan melebihi satu tahun akan dijemput secara berperingkat ke Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Tunggakan Cukai yang dilaksanakan setiap hari Khamis untuk berunding dan diambil tindakan selanjutnya. Kaedah tersebut telah diguna pakai sejak lebih 10 tahun yang lalu selepas diputuskan oleh ahli Majlis. Pendekatan tersebut juga merupakan salah satu cara untuk memberi penjelasan kepada pemilik pegangan tentang kepentingan membayar cukai taksiran dan kesan serta tindakan lanjut yang boleh dikenakan sekiranya tunggakan tidak dijelaskan di samping membincangkan kaedah yang sesuai untuk membuat bayaran tunggakan. Semakan Audit selanjutnya mendapati:

**a. Sasaran Pungutan Tunggakan Cukai Tidak Tercapai**

- i. Setiap tahun MPKB-BRI telah menetapkan sasaran jumlah cukai taksiran tahun semasa dan tunggakan cukai yang akan dipungut. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 pihak MPKB-BRI telah menetapkan sasaran untuk memungut tunggakan cukai di antara RM4.56 juta hingga RM6.60 juta iaitu di antara 19.1% hingga 28.0% daripada keseluruhan tunggakan cukai terkumpul. Walau bagaimanapun, pihak Audit mendapati, sasaran yang ditetapkan tidak tercapai di mana MPKB-BRI hanya dapat memungut tunggakan cukai di antara 49.8% hingga 76.1% sahaja daripada sasaran yang ditetapkan. Dengan kata lain MPKB-BRI hanya berjaya memungut tunggakan cukai di antara 14.0% hingga 16.2% daripada keseluruhan tunggakan cukai terkumpul seperti di **Jadual 2.4**.

**Jadual 2.4**  
**Sasaran Pungutan Tunggakan Cukai**  
**MPKB-BRI Bagi Tahun 2013 Hingga 2015**

<b>Perkara</b>	<b>2013 (RM Juta)</b>	<b>2014 (RM Juta)</b>	<b>2015 (RM Juta)</b>
Tunggakan Terkumpul	22.78	23.56	23.81
Sasaran Pungutan Tunggakan	6.00	6.60	4.56
Pungutan Sebenar	3.70	3.29	3.47
Peratus Pungutan Sebenar	16.2%	14.0%	14.6%

Sumber: MPKB-BRI

Nota: Sasaran dan pencapaian adalah tidak termasuk denda Notis dan Waran

- ii. Pungutan cukai taksiran tahun semasa MPKB-BRI telah meningkat daripada RM17.66 juta pada tahun 2013 kepada RM21.18 juta pada tahun 2015 disebabkan peningkatan bilangan pegangan. Sebaliknya pihak Audit mendapati, pungutan tunggakan cukai sedikit berkurang iaitu daripada RM3.70 juta pada tahun 2013 kepada RM3.47 juta pada tahun 2015 menyebabkan tunggakan cukai terkumpul telah meningkat daripada RM23.56 juta pada tahun 2013 kepada RM24.37 juta pada tahun 2015 seperti di **Jadual 2.5**.

**Jadual 2.5**  
**Prestasi Tunggakan Cukai**  
**MPKB-BRI Bagi Tahun 2013 Hingga 2015**

<b>Perkara</b>	<b>2013 (RM Juta)</b>	<b>2014 (RM Juta)</b>	<b>2015 (RM Juta)</b>
Cukai Perlu Pungut	23.04	23.79	25.25
Cukai Dipungut	17.66	19.95	21.18
<b>Tunggakan Semasa</b>	<b>5.38</b>	<b>3.84</b>	<b>4.07</b>
Tunggakan Perlu Pungut	22.80	23.56	23.81
Tunggakan Dipungut	3.70	3.20	3.47
<b>Baki Tunggakan</b>	<b>19.10</b>	<b>20.36</b>	<b>20.34</b>
Denda Notis Dan Waran Dipungut	0.08	0.05	TM
Hapus Kira	0.84	0.34	0.04
<b>Tunggakan Terkumpul</b>	<b>23.56</b>	<b>23.81</b>	<b>24.37</b>

Sumber: MPKB-BRI

**b. Mesyuarat Tunggakan Cukai Kurang Mendapat Sambutan**

- i. Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Tunggakan Cukai telah menetapkan pemilik pegangan yang mempunyai tunggakan melebihi satu tahun akan dipanggil secara berperingkat ke mesyuarat tersebut. Surat jemputan yang mengandungi maklumat pegangan dan nilai cukai tahunan dihantar secara serahan tangan kepada pemilik yang berkenaan bersama lampiran Borang E pada setiap hari Ahad, Isnin dan Selasa. Bagi tempoh tahun 2013 hingga Ogos 2015 MPKB-BRI telah melaksanakan 114 kali mesyuarat iaitu 25 kali pada tahun 2013, 61 kali pada tahun 2014 dan 28 kali sehingga Ogos 2015. Semakan Audit terhadap 104 minit mesyuarat Jawatankuasa Kecil Tunggakan Cukai mendapati pemilik bagi 9,320 pegangan telah dijemput oleh MPKB-BRI ke mesyuarat berkenaan. Walau bagaimanapun pemilik bagi 2,456 (26.3%) pegangan sahaja telah hadir ke mesyuarat untuk proses rundingan seperti di **Jadual 2.6**.

**Jadual 2.6**  
**Prestasi Kehadiran Mesyuarat**  
**Jawatankuasa Kecil Tunggakan Cukai**

Perkara	2013	2014	Sehingga Ogos 2015	Jumlah
Bil. Mesyuarat	22	55	27	104
Bil. Dijemput	1,830	5,218	2,272	9,320
Bil. Hadir	520	1,499	437	2,456
Peratus Kehadiran	28.4%	28.7%	19.2%	26.3%

Sumber: MPKB-BRI

- ii. Semakan Audit juga dijalankan terhadap 256 pegangan yang mana cukai tahunannya berjumlah RM500 ke atas dan mempunyai tunggakan cukai melebihi 3 tahun dan didapati:
- Pemilik bagi 139 pegangan tidak pernah dijemput ke Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Tunggakan Cukai bagi tempoh tahun 2013 hingga Ogos 2015 melibatkan tunggakan cukai berjumlah RM1.03 juta. Daripada 139 pegangan tersebut, 14 pegangan mempunyai tunggakan cukai melebihi 10 tahun berjumlah RM145,902 seperti di **Jadual 2.7**.

**Jadual 2.7**  
**Pegangan Yang Mempunyai Tunggakan 3 Tahun Ke Atas Tetapi Pemilik Tidak Dijemput Ke Mesyuarat Bagi Tahun 2013 Hingga Ogos 2015**

Bil.	Tempoh Tunggakan	Jumlah Pegangan	Jumlah Tunggakan (RM)
1.	3 Hingga 10 Tahun	125	884,795
2.	11 Tahun Dan Ke Atas	14	145,902
<b>Jumlah</b>		<b>139</b>	<b>1,030,697</b>

Sumber: MPKB-BRI

- Semakan Audit selanjutnya terhadap 117 pegangan yang pemiliknya pernah dijemput ke Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Tunggakan Cukai mendapati

17 pegangan sahaja menunjukkan pengurangan jumlah tunggakan cukai manakala tunggakan cukai bagi 100 pegangan lagi masih menunjukkan peningkatan seperti di **Jadual 2.8** dan **Jadual 2.9**.

**Jadual 2.8**  
**Tunggakan Cukai Meningkat Bagi Pegangan**  
**Yang Mempunyai Tunggakan 3 Tahun Ke Atas**  
**Dan Pemiliknya Dijemput Ke Mesyuarat Bagi Tahun 2013 Hingga Ogos 2015**

Tahun	Bilangan Pegangan	Tunggakan Mengikut Lampiran Mesyuarat (RM)	Tunggakan Pada September 2015 (RM)	Jumlah Meningkat (RM)
2013	30	111,223	166,356	55,133
2014	42	184,455	225,390	40,935
Sept. 2015	28	93,366	103,711	10,345
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>389,044</b>	<b>495,457</b>	<b>106,413</b>

Sumber: MPKB-BRI

**Jadual 2.9**  
**Tunggakan Cukai Berkurang Bagi Pegangan**  
**Yang Mempunyai Tunggakan 3 Tahun Ke Atas**  
**Dan Pemiliknya Dijemput Ke Mesyuarat Bagi Tahun 2013 Hingga Ogos 2015**

Tahun	Bilangan Pegangan	Tunggakan Mengikut Lampiran Mesyuarat (RM)	Tunggakan Pada September 2015 (RM)	Jumlah Berkurang (RM)
2013	3	21,603	20,374	1,229
2014	8	37,340	31,348	5,992
Sept. 2015	6	22,495	19,915	2,580
<b>Jumlah</b>	<b>17</b>	<b>81,438</b>	<b>71,637</b>	<b>9,765</b>

Sumber: MPKB-BRI

**c. Bilangan Pegangan Yang Menjelaskan Tunggakan Cukai Amat Kecil**

- i. Berdasarkan lampiran pada minit mesyuarat berkenaan, secara keseluruhannya daripada 9,320 pegangan di mana pemiliknya telah dijemput ke mesyuarat, sebanyak 2,014 (21.6%) pegangan sahaja telah menjelaskan bayaran tunggakan. Sebanyak 509 pegangan telah menjelaskan keseluruhan tunggakan cukai manakala 1,505 pegangan lagi telah menjelaskan sebahagian sahaja. Bagi pemilik yang hadir pula, sebanyak 408 pegangan telah menjelaskan keseluruhan tunggakan cukai, 1,378 pegangan telah menjelaskan sebahagian tunggakan manakala selebihnya 670 pegangan tidak membuat sebarang bayaran. Bagi pegangan yang dijelaskan sebahagian, mesyuarat telah bersetuju baki tunggakan akan dibayar kemudian atau secara ansuran dan keputusan ini dicatat di lampiran kepada minit mesyuarat. Manakala pegangan harta yang tidak dibuat sebarang bayaran adalah di atas pelbagai sebab seperti mesyuarat telah bersetuju tunggakan akan dibayar kemudian atau secara ansuran, pegangan masih dalam proses pindah milik, rayuan mendapatkan diskaun atau rebat, pegangan di peringkat semakan semula oleh Bahagian Penilaian dan pegangan

yang tidak beroperasi/berpenguji atau telah roboh. Bagaimanapun, tiada sebarang dokumen disediakan bagi merekodkan persetujuan bagi memastikan kaedah pembayaran yang dipersetujui semasa mesyuarat dipatuhi. Tiada tindakan susulan dilakukan terhadap pemilik yang bayar sebahagian atau pemilik yang tidak membuat pembayaran semasa mesyuarat. Maklumat berkaitan jumlah bayaran yang dapat dipungut tidak disediakan dan rekod yang disediakan oleh pihak MPKB-BRI tidak lengkap dan seragam. Kedudukan pegangan yang menjelaskan bayaran melalui mesyuarat seperti di **Jadual 2.10**.

**Jadual 2.10**  
**Pegangan Yang Dijelaskan Bayaran Tunggakan**  
**Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Tunggakan Cukai**

Perkara	Pemilik Hadir		Pemilik Tidak Hadir	
	Bayar Penuh	Bayar Sebahagian	Bayar Penuh	Bayar Sebahagian
2013	90	183	2	12
2014	262	893	82	13
Sehingga Ogos 2015	56	302	17	102
<b>Jumlah</b>	<b>408</b>	<b>1,378</b>	<b>101</b>	<b>127</b>

Sumber: MPKB-BRI

**d. Pemantauan Tidak Dijalankan**

- i. Pihak Audit telah membuat lawatan pada 14 Januari 2016 terhadap 16 pegangan yang mana cukai tahunannya berjumlah RM500 ke atas dan mempunyai tunggakan cukai melebihi 3 tahun mendapati 7 pegangan merupakan pegangan yang beroperasi/berpenguji dengan tunggakan cukai berjumlah RM70,865. Daripada 7 pegangan tersebut didapati 4 pegangan yang terletak di Jalan Padang Tembak telah bertukar pemilik. Bagaimanapun rekod MPKB-BRI masih menunjukkan maklumat pemilik asal. Pihak Audit juga mendapati tiada bukti MPKB-BRI melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap pegangan ini. Maklumat hasil lawatan Audit adalah seperti di **Jadual 2.11** dan **Gambar 2.1** dan **Gambar 2.2**.

**Jadual 2.11**  
**Pegangan Yang Beroperasi/Berpenguji Tetapi Tunggakan Tidak Dipungut**

Bil.	No. Akaun	Lokasi	Tempoh Tunggakan	Baki Tunggakan Sehingga September 2015 (RM)	Catatan
1.	87040	Jln. Padang Tembak	7 Tahun	16,973	Pemilik Baru
2.	82133	Jln. Padang Tembak	6 Tahun	16,599	Pemilik Baru
3.	78026	Jln. Padang Tembak	7 Tahun	15,321	Pemilik Baru
4.	78027	Jln. Padang Tembak	7 Tahun	11,251	Pemilik Baru
5.	82299	Jln. Kuala Krai	6 Tahun	3,647	
6.	82300	Jln. Kuala Krai	5 Tahun	3,537	
7.	82301	Jln. Kuala Krai	5 Tahun	3,537	
<b>Jumlah</b>				<b>70,865</b>	

Sumber: MPKB-BRI



**Gambar 2.1**  
**Pegangan Beroperasi Tetapi Tunggakan Tidak Dipungut**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Padang Tembak Kota Bharu  
Tarikh: 14 Januari 2016

**Gambar 2.2**  
**Pegangan Beroperasi Tetapi Tunggakan Tidak Dipungut**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Kuala Krai Kota Bharu  
Tarikh: 14 Januari 2016

**2.4.2.3. Mengikut maklum balas MPKB-BRI bertarikh 21 Februari 2016, mulai tahun 2016 Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Cukai Bandar hanya akan diadakan sekali sebulan. Satu kaedah baru di mana operasi sita dijalankan setiap hari iaitu 6 kali seminggu berdasarkan Notis E yang telah dikeluarkan. Kaedah baru yang dijalankan adalah secara kutipan cukai dari rumah ke rumah. Pihak MPKB-BRI telah melaksanakan penguatkuasaan Akta 171 melalui pengeluaran waran tahanan secara terpilih di mana sejumlah 4,104 waran tahanan telah dikeluarkan melibatkan 651 waran tahanan pada tahun 2013, 1,792 pada tahun 2014 dan 1,661 pada tahun 2015.**

**Pada pendapat Audit, pendekatan memujuk yang diamalkan oleh MPKB-BRI dengan menjemput pemilik yang mempunyai tunggakan ke Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Tunggakan Cukai adalah kurang berkesan.**

#### **2.4.3. Kelemahan Penyelenggaraan Rekod Dan Dokumen**

**2.4.3.1.** Bagi memastikan pengurusan cukai taksiran dilaksanakan secara cekap dan berkesan, satu laporan yang terperinci dan seragam yang mengandungi semua maklumat berkenaan perlu diselenggarakan. Antara maklumat tersebut adalah seperti laporan prestasi pungutan bagi pegangan di mana pemiliknya telah dijemput ke mesyuarat, keputusan mesyuarat dan tindakan susulan, bilangan dan nilai penyerahan waran tahanan, tindakan sita dan rampasan serta tunggakan yang berjaya dikutip hendaklah disediakan. Selain itu, rekod waran tahanan dan bil cukai taksiran yang gagal diserahkan dan dipulangkan semula juga perlu disediakan dan disimpan dengan teratur untuk memudahkan rujukan dan tindakan susulan dibuat.

**2.4.3.2.** Pihak Audit mendapati sistem rekod pengurusan cukai taksiran menggunakan sistem yang dibangunkan sendiri oleh MPKB-BRI adalah tidak lengkap dan mencukupi. Sistem berkenaan tidak merekodkan maklumat bil cukai taksiran yang dipulangkan kembali dan rekod waran tahanan yang dikeluarkan dan laporan mengenai waran

tahanan yang diserahkan juga tidak disediakan untuk rujukan. Manakala fail manual tidak diselenggarakan untuk menyimpan dokumen penting seperti waran tahanan. Selain itu, minit mesyuarat Jawatankuasa Kecil Tunggakan Cukai tidak mencatatkan perbincangan perkara yang berbangkit daripada mesyuarat yang terdahulu manakala maklumat yang dilampirkan bersama minit mesyuarat tidak menggunakan format yang seragam. Keadaan ini menunjukkan kelemahan pengurusan rekod dan menyukarkan pihak MPKB-BRI melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap pegangan yang mempunyai tunggakan cukai.

**2.4.3.3. Mengikut maklum balas MPKB-BRI bertarikh 21 Februari 2016, mulai tahun 2016 semua rekod waran tahanan akan diurus, difailkan dan disimpan oleh setiap Pembantu Tadbir yang memproses waran tersebut bagi mempercepatkan proses carian. Bil-bil yang dikembalikan oleh Pejabat Pos akan dibuat pencarian lanjut bagi memungut cukai dari pintu ke pintu. Rekod bagi tahun 2013 dan 2014 telah musnah akibat banjir dan bagi tahun 2015 pihak MPKB-BRI telah mengemaskinikan rekod dalam Sistem Cukai Bandar. Pemantauan telah dibuat terhadap pegangan yang dikenakan cukai taksiran pada kadar 12%.**

**Pada pendapat Audit, kelemahan pengurusan rekod menyebabkan pemantauan dan penguatkuasaan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Keadaan ini telah menyumbang kepada peningkatan tunggakan terkumpul .**

## **2.5. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan pengurusan tunggakan hasil MPKB-BRI dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan dan tunggakan hasil terkumpul dapat dikurangkan, adalah disyorkan pihak MPKB-BRI mempertimbangkan perkara berikut:

**2.5.1.** MPKB-BRI perlu menilai semula keberkesanan kaedah semasa yang dilaksanakan terhadap pengurusan tunggakan hasil supaya penambahbaikan dapat dilaksanakan dari semasa ke semasa dan penguatkuasaan perlu dijalankan secara berterusan.

**2.5.2.** MPKB-BRI perlu menjalankan tindakan berterusan menghantar notis, waran tahanan, penyitaan dan rampasan harta pemilik sebagaimana dinyatakan dalam Akta 171 bagi memastikan pemilik pegangan membayar cukai taksiran tepat pada waktunya.

**2.5.3.** MPKB-BRI perlu mengemas kini maklumat dan data di dalam Sistem Cukai Bandar berkomputer bagi tujuan pemantauan dan penguatkuasaan.

---

## PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

---

### 3. AIR KELANTAN SDN. BHD.

#### 3.1. LATAR BELAKANG

**3.1.1.** Pada 9 Mac 1994, pengurusan bekalan air di Kelantan telah diswastakan dan dikendalikan oleh Kelantan Waters (Malaysia) Sdn. Bhd. Pada 11 Mei 1999, nama syarikat ditukar kepada Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB). AKSB merupakan milikan penuh syarikat Kelantan Utilities Mubaarakan Holdings Sdn. Bhd. (KUMH) yang dimiliki 100% oleh Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK). Modal dibenarkan bagi AKSB adalah berjumlah RM100 juta manakala modal berbayar berjumlah RM40 juta. Visi AKSB adalah menjadi sebuah syarikat pengendali air terunggul bertaraf dunia manakala misinya adalah menyediakan perkhidmatan air yang efektif kepada pelanggan berteraskan teknologi terkini dengan tenaga kerja yang komited dan profesional dalam persekitaran kerja yang kondusif.

**3.1.2.** Peranan utama AKSB ialah menyediakan perkhidmatan pengurusan dan pengendalian air kepada pengguna termasuk pengurusan operasi bekalan air di Negeri Kelantan, membekal air yang menepati kualiti yang telah ditetapkan, perunding dan pengurusan projek, kawalan air tidak berhasil (NRW), merancang dan melaksanakan pembangunan prasarana bekalan air, membaik pulih dan menaik taraf sistem sedia ada dan memungut hasil air. AKSB mempunyai 10 Ahli Lembaga Pengarah yang terdiri EXCO Kerajaan Negeri selaku pengerusi, 4 wakil Kerajaan, 2 wakil daripada Kumpulan PMBK, Ketua Pegawai Operasi KUMH, seorang mantan ADUN dan seorang ahli perniagaan. Pengurusan AKSB diketuai oleh Pengurus Besar dan dibantu oleh 748 kakitangan.

#### 3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan syarikat, pengurusan aktiviti mencapai objektif penubuhan syarikat, tadbir urus korporat mengikut amalan terbaik serta pengurusan kewangan adalah berpandukan kepada peraturan kewangan ditetapkan.

#### 3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan pengurusan syarikat AKSB meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan. Pengauditan dijalankan dengan menyemak minit mesyuarat Lembaga Pengarah, fail perancangan, bajet, fail kesetiausahaan, fail projek, dokumen, fail serta rekod yang berkaitan bagi tahun 2013 hingga 2015. Analisis kewangan adalah berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2012 hingga 2014. Perbincangan dan temu bual serta lawatan juga diadakan dengan pegawai-pegawai yang terlibat. Selain itu, pemeriksaan fizikal turut dijalankan terhadap aset dan kemudahan yang disediakan. *Exit Conference* telah diadakan pada 25 Februari 2016

dan dihadiri oleh Pengarah Eksekutif AKSB, Pengurus Pembangunan Korporat KUMH, Pengurus Kanan Audit Dalaman PMBK, Eksekutif Pemantauan Prestasi PMBK.

### **3.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan pada 22 Jun 2015 hingga 9 November 2015 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan AKSB adalah memuaskan. Dari segi prestasi kewangan, AKSB mencatat keuntungan bersih dan juga keuntungan terkumpul bagi ketiga-tiga tahun. Bagaimanapun analisis nisbah menunjukkan trend penurunan bagi ketiga-tiga tahun. Pengurusan aktiviti adalah kurang memuaskan manakala tadbir urus korporat adalah memuaskan. Kelemahan yang diperhatikan dalam pengurusan AKSB adalah seperti berikut:

- Pengurusan dan prestasi loji rawatan air (LRA) kurang memuaskan.
- Prestasi NRW tidak mencapai sasaran.
- 6 daripada 7 *Standard Operating Procedures* (SOP) AKSB belum diluluskan Lembaga Pengarah dan *Integrity Pact* belum dilaksanakan secara menyeluruh.

#### **3.4.1. Prestasi Kewangan**

##### **3.4.1.1. Analisis Trend**

- a. Keuntungan sebelum cukai AKSB pada tahun 2012 ialah RM0.62 juta, menurun kepada RM0.61 juta pada tahun 2013, iaitu penurunan sejumlah RM7,706 atau 1.3%. Keuntungan sebelum cukai meningkat semula kepada RM0.76 juta pada tahun 2014 iaitu peningkatan sejumlah 25.3%. Pada tahun 2013, AKSB memperoleh keuntungan kasar sejumlah RM2.15 juta berbanding RM0.85 juta pada tahun 2012, peningkatan kos kewangan iaitu RM1.54 juta pada tahun 2013 berbanding RM0.23 juta pada tahun 2012, telah menyebabkan penurunan keuntungan sebelum cukai pada tahun 2013. Peningkatan kos kewangan adalah disebabkan oleh pertambahan pembiayaan pinjaman termasuk overdraf.
- b. Keuntungan terkumpul AKSB pada tahun 2012 ialah RM8.88 juta meningkat kepada RM9.41 juta atau 5.97% pada tahun 2013, dan terus meningkat kepada RM9.72 juta atau 3.32%. Keuntungan selepas cukai yang diperoleh AKSB bagi ketiga-tiga tahun meningkatkan jumlah keuntungan terkumpul syarikat.
- c. AKSB memperoleh pendapatan dengan menyediakan perkhidmatan pengurusan dan pengendalian air pengguna termasuk pengurusan sistem air, rekaan, proses dan pembinaan. Jumlah pendapatan AKSB pada tahun 2012 ialah RM84.20 juta, meningkat kepada RM89.03 juta pada tahun 2013 iaitu peningkatan sebanyak RM4.83 juta atau 5.7%. Manakala jumlah pendapatan pada tahun 2014 ialah RM98.41 juta peningkatan sebanyak RM9.38 juta atau 10.5% berbanding tahun sebelumnya.


- d. Jumlah perbelanjaan AKSB pada tahun 2012 ialah RM83.58 juta, meningkat kepada RM88.43 juta pada tahun 2013, iaitu peningkatan sebanyak RM4.85 juta atau 5.8%. Jumlah perbelanjaan terus meningkat kepada RM97.65 juta pada tahun 2014, iaitu peningkatan sebanyak RM9.22 juta atau 10.4%.
- e. Kedudukan pendapatan, perbelanjaan, untung sebelum cukai, untung bersih dan keuntungan terkumpul AKSB bagi tahun kewangan 2012 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 3.1**. Trend untung/rugi sebelum cukai dan keuntungan terkumpul serta trend pendapatan dan perbelanjaan AKSB adalah seperti di **Carta 3.1** dan **Carta 3.2**.

**Jadual 3.1**  
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi AKSB  
Bagi Tahun Kewangan 2012 Hingga 2014

Butiran	Tahun Kewangan		
	2012 (RM)	2013 (RM)	2014 (RM)
Pendapatan Operasi	64,756,530	74,746,080	94,533,757
Pendapatan Lain	19,440,565	14,288,496	3,875,865
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>84,197,095</b>	<b>89,034,576</b>	<b>98,409,622</b>
Kos Jualan	6,186,324	6,593,233	6,459,378
Perbelanjaan Pentadbiran	77,161,006	80,291,383	89,081,229
Kos Kewangan	233,668	1,541,569	2,106,513
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>83,580,998</b>	<b>88,426,185</b>	<b>97,647,120</b>
Untung Sebelum Cukai	616,097	608,391	762,502
Cukai	98,533	78,490	449,732
<b>Untung Bersih</b>	<b>517,564</b>	<b>529,901</b>	<b>312,770</b>
<b>Keuntungan Terkumpul</b>	<b>8,878,572</b>	<b>9,408,473</b>	<b>9,721,243</b>


Sumber: Penyata Kewangan AKSB

**Carta 3.1**  
Trend Untung Sebelum Cukai Dan  
Keuntungan Terkumpul Bagi  
Tahun Kewangan 2012 Hingga 2014



Sumber: Penyata Kewangan AKSB

**Carta 3.2**  
Trend Pendapatan dan Perbelanjaan  
Bagi Tahun Kewangan 2012 Hingga 2014



Sumber: Penyata Kewangan AKSB

- f. **Mengikut maklum balas AKSB bertariikh 25 Februari 2016, keuntungan syarikat pada tahun 2014 adalah disebabkan oleh kenaikan tarif pada tahun 2013. Kenaikan tarif yang terdahulu adalah pada tahun 2001 dan sepanjang 12 tahun, pihak AKSB masih mendapat keuntungan walaupun terdapat peningkatan dalam kos operasi.**

### 3.4.1.2. Analisis Nisbah

Bagi menentukan prestasi kewangan syarikat, analisis nisbah semasa, margin untung bersih, pulangan atas aset dan pulangan atas ekuiti telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi 3 tahun kewangan iaitu 2012 hingga 2014. Hasil analisis nisbah adalah seperti di **Jadual 3.2**.

**Jadual 3.2**  
**Analisis Nisbah Bagi Tahun Kewangan 2012 Hingga 2014**

Bil.	Butiran	Tahun Kewangan		
		2012	2013	2014
a.	Nisbah Semasa	0.69:1	0.58:1	0.36:1
b.	Margin Untung Bersih	0.8%	0.7%	0.3%
c.	Pulangan Atas Aset	0:1	0:1	0:1
d.	Pulangan Atas Ekuiti	0.01:1	0.01:1	0.01:1

Sumber: Penyata Kewangan AKSB

#### a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa yang boleh ditukar segera kepada tunai bagi menyelesaikan tanggungan hutang jangka pendek atau liabiliti semasa. Nisbah semasa melebihi satu menunjukkan syarikat berupaya memenuhi tanggungan tersebut. Pada amnya, nisbah yang memuaskan adalah berkadaran 2:1. Nisbah semasa AKSB yang kurang daripada satu adalah disebabkan oleh jumlah liabiliti semasa yang lebih tinggi berbanding jumlah aset semasa. Nisbah semasa AKSB bagi ketiga-tiga tahun berikut menggambarkan bahawa aset semasa AKSB tidak berkeupayaan untuk menyelesaikan liabiliti semasa AKSB kerana kurang daripada RM1 nilai aset semasa yang dapat membiayai jumlah liabiliti semasa syarikat. Faktor utama penurunan nisbah semasa adalah disebabkan oleh kenaikan jumlah pinjaman, terhutang kepada syarikat induk dan juga lain-lain pemiutang.

#### b. Margin Untung Bersih

Margin Keuntungan digunakan untuk mengukur jumlah pendapatan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit jualan. Nilai peratusan yang tinggi menunjukkan syarikat berupaya mengawal kos dan perbelanjaan jualan untuk menghasilkan keuntungan bersih yang tinggi. Margin keuntungan AKSB adalah sangat rendah kerana AKSB hanya mampu memperoleh keuntungan kurang daripada 1 sen bagi setiap ringgit pendapatan. Ini menunjukkan syarikat kurang berupaya mengawal kos yang terlibat untuk meningkatkan keuntungan syarikat.

### **c. Pulangan Atas Aset**

Nisbah Pulangan Atas Aset digunakan bagi mengukur kecekapan dalam penggunaan aset syarikat untuk memperoleh pendapatan. Nisbah ini merupakan satu ukuran kecekapan yang mana semakin tinggi pendapatan bersih, semakin cekap syarikat menguruskan aset. AKSB tidak memperoleh pulangan atas aset bagi ketiga-tiga tahun. Ini menunjukkan ketidakcekapan pengurusan dalam menggunakan aset syarikat untuk memperoleh keuntungan.

### **d. Pulangan Atas Ekuiti**

Nisbah Pulangan Atas Ekuiti digunakan bagi menggambarkan keupayaan syarikat dalam memaksimumkan pulangan terhadap jumlah pelaburan yang dibuat oleh syarikat. Semakin tinggi pendapatan bersih yang diperoleh daripada setiap ringgit ekuiti yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan ekuitinya. AKSB mencatatkan pulangan atas ekuiti yang rendah dari tahun 2012 hingga tahun 2014 dan tidak berupaya memberi pulangan kepada pelaburan syarikat.

### **e. Mengikut maklum balas AKSB bertarikh 25 Februari 2016, AKSB mengambil maklum teguran Audit.**

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya, prestasi kewangan AKSB bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah memuaskan. Bagaimanapun, analisis nisbah penyata kewangan AKSB menunjukkan trend penurunan bagi ketiga-tiga tahun.**

## **3.4.2. Pengurusan Aktiviti**

Kecekapan syarikat dalam pengurusan aktiviti akan memastikan objektif yang telah ditetapkan dapat dicapai. AKSB bertanggungjawab dalam pengurusan pembekalan air di seluruh negeri Kelantan termasuk rawatan air dan memastikan air yang dibekalkan mencukupi dan berkualiti. AKSB juga mempunyai 35 buah Loji Rawatan Air (LRA) untuk merawat dan membekal air bagi pelbagai kegunaan penduduk Kelantan.

### **3.4.2.1. Prestasi dan Pengurusan Loji Rawatan Air (LRA) kurang memuaskan**

#### **a. Pengeluaran Air Terawat Tidak Mencapai Sasaran Kapasiti Pengeluaran**

- i. LRA direka bentuk dan dibina bagi memenuhi kapasiti pengeluaran yang ditetapkan berdasarkan keperluan pengguna di sesuatu kawasan dan merupakan komponen utama untuk menyediakan bekalan air terawat. Lawatan Audit ke 8 LRA iaitu LRA Lojing, Kelar, Pintu Geng, Tanjong Mas, Perol, Wakaf Bharu, Wakaf Bunut dan Chicha mendapati satu LRA kurang beroperasi, empat (4) LRA beroperasi di bawah kapasiti pengeluaran dan tiga (3) LRA beroperasi

melebihi kapasiti reka bentuk pengeluaran. Kedudukan kapasiti pengeluaran berbanding reka bentuk pengeluaran LRA seperti di **Jadual 3.3**.

**Jadual 3.3**  
**Kedudukan Kapasiti Pengeluaran Berbanding Reka bentuk Pengeluaran**  
**Sehingga September 2015**

Bil	Loji Rawatan Air	Sumber Air Mentah	Reka Bentuk Pengeluaran (*Jlh)	Kapasiti Pengeluaran (*Jlh)	Peratus Penggunaan LRA	Status Operasi Loji
1.	Lojing	Sg. Tela	5	0	0.00	-
2.	Kelar	Sg. Kelantan/ Telaga Tiub	64	69.09	107.95	>
3.	Wakaf Bunut	Sg. Rasau/ Telaga Jejari	25	16.22	64.88	<
4.	Tanjung Mas	Telaga Tiub	10	11.32	113.20	>
5.	Perol	Telaga Tiub	7.5	5.01	66.80	<
6.	Pintu Geng	Telaga Tiub/ Telaga Jejari	30	12.85	42.83	<
7.	Chicha	Telaga Tiub/ Telaga Jejari	60	79.94	133.23	>
8.	Wakaf Bharu	Telaga Tiub/ Telaga Jejari	25	21.28	85.00	<
<b>Jumlah</b>			<b>230.5</b>	<b>215.71</b>	<b>93.58</b>	

Sumber: Jabatan Pengeluaran dan Operasi, AKSB

Nota: \* jlh: juta liter hari

\* >: beroperasi melebihi kapasiti pengeluaran

<: beroperasi di bawah kapasiti pengeluaran

- ii. LRA Lojing siap dibina pada tahun 2012 dengan berkapasiti 5 jlh dan kos berjumlah RM11 juta. Bagaimana pun LRA ini hanya menghasilkan 100m<sup>3</sup> pengeluaran air seminggu untuk 10 akaun milik Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu dan hanya beroperasi sekali bagi setiap 6 bulan. AKSB tidak membuat penyenggaraan dan penjagaan sewajarnya terhadap peralatan loji ini. Selain daripada LRA Lojing, empat LRA yang beroperasi di bawah keupayaan kapasiti reka bentuk ditetapkan telah menjejaskan pembekalan air terawat kepada pengguna di kawasan yang disasarkan.
- iii. Pengeluaran air di tiga (3) LRA yang beroperasi melebihi kapasiti reka bentuk yang ditetapkan boleh menyebabkan kerosakan pada sistem, komponen dan peralatan loji. Pengeluaran air tertinggi yang beroperasi melebihi kapasiti reka bentuk ialah LRA Tanjung Mas iaitu 113.20% dan telah mengalami kerosakan peralatan.
- iv. Keadaan di atas berlaku disebabkan sumber air mentah tidak mencukupi untuk menampung keperluan LRA bagi loji yang beroperasi di bawah kapasiti reka bentuk manakala bagi loji beroperasi melebihi kapasiti reka bentuk adalah disebabkan pembekalan air ke luar kawasan sasaran dan pertambahan penduduk.



- v. **Mengikut maklum balas AKSB bertarikh 25 Februari 2016, LRA Lojing** dibina berdasarkan perancangan dari UPEN pada tahun 2006 iaitu untuk membina sebuah bandar peranginan sigar. Konsultan yang dilantik ialah Reka Runding Sdn. Bhd dan keperluan kapasiti loji sebanyak 5jlh. Loji ini dibina dengan peruntukan KKLW. Bagaimana pun apabila loji tersebut siap, bandar peranginan sigar yang dirancang gagal dilaksanakan. Bagi 3 LRA yang melebihi kapasiti pengeluaran, AKSB mengambil maklum teguran Audit dan memaklumkan bahawa kajian keperluan pengguna telah dibuat sebelum loji dibina. Bagi 4 LRA pengeluaran di bawah kapasiti pengeluaran, AKSB mengambil maklum teguran Audit.

**b. Margin Rezab Pengeluaran Air Terawat Yang Rendah**

Bagi memastikan bekalan air terawat adalah mencukupi, kapasiti reka bentuk berbanding dengan pengeluaran air terawat semasa hendaklah mengambil kira margin rezab yang disarankan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) iaitu antara 10% hingga 15%. Semakan Audit mendapati kapasiti reka bentuk bagi 7 LRA ialah 215 jlh manakala jumlah pengeluaran air terawat semasa ialah 221 jlh. Keadaan ini menunjukkan AKSB mempunyai margin rezab sebanyak 2.7% seperti di **Jadual 3.4**. Peratusan ini menggambarkan bahawa kedudukan bekalan air di negeri Kelantan berada pada tahap yang rendah dan boleh menyebabkan berlakunya krisis bekalan air pada waktu puncak. **Mengikut maklum balas AKSB bertarikh 25 Februari 2016, AKSB mengambil maklum teguran Audit.**

**Jadual 3.4**  
**Margin Rezab Pengeluaran Air Terawat**  
**Sehingga September 2015**

Parameters (Pengguna)	Sehingga September 2015
Kapasiti Reka bentuk	221 Jlh
Pengeluaran Air Terawat Semasa	215 Jlh
Margin Rezab	6 Jlh @ 2.7%

Sumber: AKSB

**c. Pelanggaran Parameter Kualiti Air Terawat**

- i. Bagi memastikan kualiti air terawat adalah selamat untuk digunakan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menetapkan tiga (3) parameter ujian standard kualiti air sebagaimana **Jadual 3.5**.

**Jadual 3.5**  
**Parameter Ujian Standard Kualiti Air**

Bil.	Parameter	Standard Kualiti Air (mg/l)
1.	Kekeruhan	<5 NTU
2.	Baki Klorin	0.2-5.0
3.	pH	6.5-9.0

Sumber: Rekod Kementerian Kesihatan

- ii. AKSB telah membekalkan Sistem Deferum dan Demagnum bagi menyingkirkan ferum dan manganese bagi LRA Perol dan LRA Wakaf Bharu. Manakala LRA Pintu Geng dibekalkan dengan Sistem Ozon bagi menyingkir ferum. Kesemua 7 LRA menjalankan ujian kualiti air setiap 4 jam di makmal yang disediakan di setiap LRA seperti yang diarahkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi memastikan air terawat tidak melanggar parameter ditetapkan.
- iii. Semakan Audit terhadap rekod ujian mendapati pelanggaran kualiti air terawat di LRA menunjukkan trend penurunan iaitu 39 kali pada tahun 2013, 34 kali pada tahun 2014 dan 22 kali sehingga September 2015. Jumlah pelanggaran 7 LRA bagi tiga tahun berturut-turut ialah sebanyak 95 kali. Parameter kekeruhan mencatatkan pelanggaran tertinggi iaitu 64 kali pelanggaran dan bacaan kekeruhan adalah melebihi 5 *Nephelometric Turbidity Unit* (NTU). Warna kekeruhan air akan jelas kelihatan jika bacaan parameter adalah melebihi 5 NTU. Manakala jumlah pelanggaran pH adalah sebanyak 24 kali dan 7 kali bagi pelanggaran klorin. Jumlah Pelanggaran Kualiti Air Terawat Bagi LRA Tahun 2013 hingga September 2015 adalah seperti di **Jadual 3.6**. Kesan air yang keruh mencemarkan bangunan loji seperti di **Gambar 3.1** dan **Gambar 3.2**.

**Jadual 3.6**  
**Jumlah Pelanggaran Kualiti Air Terawat Bagi LRA Tahun 2013 hingga 2015**

Bil.	Loji Rawatan Air	2013			2014			September 2015			Jumlah
		PH	Klorin	Kekeruhan	PH	Klorin	Kekeruhan	PH	Klorin	Kekeruhan	
1.	Kelar	0	0	0	1	0	0	1	0	2	4
2.	Wakaf Bunut	1	0	0	2	0	0	1	0	3	7
3.	Tanjung Mas	0	0	5	0	0	2	1	2	3	13
4.	Perol	0	0	2	0	1	28	1	0	4	36
5.	Pintu Geng	14	4	13	0	0	0	1	0	0	32
6.	Chicha	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1
7.	Wakaf Bharu	0	0	0	0	0	0	1	0	1	2
<b>Jumlah</b>		<b>15</b>	<b>4</b>	<b>20</b>	<b>3</b>	<b>1</b>	<b>30</b>	<b>6</b>	<b>2</b>	<b>14</b>	<b>95</b>


Sumber: Rekod Kementerian Kesihatan

Nota: Parameter ph: 6.5 – 9.0

Parameter kekeruhan: <5.0

Parameter Klorin: 0.2 - 5.0 mg/l

**Gambar 3.1**  
**Kesan Pelanggaran Kekeruhan**  
**Yang Tinggi Di LRA Perol**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LRA Perol  
Tarikh: 19 November 2015

**Gambar 3.2**  
**Kesan Pelanggaran Kekeruhan**  
**Yang Tinggi Di LRA Perol**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LRA Perol  
Tarikh: 19 November 2015

- iv. LRA Perol mencatatkan bilangan pelanggaran parameter kekeruhan tertinggi iaitu 34 kali untuk tiga tahun dan bacaan parameter kekeruhan tertinggi yang pernah dicatatkan ialah 86.2 NTU. Pihak Audit berpendapat, keadaan ini berpunca daripada penyelenggaraan yang tidak sempurna terhadap sistem *Deferum* dan *Demagnum* menyebabkan media polimer (penapis) tidak berfungsi sepenuhnya. Kesannya, sumber air yang dibekalkan kepada pengguna tidak jernih. **Mengikut maklum balas AKSB bertarikh 25 Februari 2016, AKSB mengambil maklum teguran Audit.**

**d. Peralatan LRA Tidak Digunakan/ Disenggara Dan Kawasan Sekitar Tidak Disenggara**

- i. Peralatan LRA perlu digunakan secara optimum dan penyelenggaraan perlu dilakukan secara berkala mengikut jadual yang telah ditetapkan bagi mengelakkan berlakunya kegagalan peralatan di loji untuk berfungsi. AKSB perlu memastikan semua aset air di LRA berada dalam keadaan baik, bersih dan selamat. Kawasan sekitar LRA juga perlu disenggara dan dijaga untuk tujuan kebersihan dan mengelakkan kejadian tidak diingini seperti pencerobohan dan kecurian. Semakan Audit mendapati, tiada SOP bagi aktiviti penyelenggaraan loji dan tiada bukti rekod penyelenggaraan disediakan.
- ii. Lawatan Audit ke LRA Tanjung Mas, Wakaf Bunut, Pintu Geng dan Perol pada bulan Oktober 2015 mendapati terdapat peralatan loji yang rosak dan bocor seperti di **Jadual 3.7, Gambar 3.3** hingga **Gambar 3.6**.

**Jadual 3.7**  
**Peralatan Loji Yang Rosak**

Bil.	Loji Rawatan Air	Tarikh Lawatan	Perkara
1.	Tanjong Mas	13.10.15	a) 12 biji <i>valve</i> tangki penapis bocor. b) Tangki <i>aerator</i> bocor dan berlumut. c) Tiada papan tanda pada peralatan loji.
2.	Pintu Geng	14.10.15	a) Paip saliran di Tangki <i>Sodium Hypo</i> bocor.
3.	Wakaf Bunut	28.10.15	a) Tangki <i>Uf</i> dan <i>Sand Filter</i> bocor.
4.	Perol	19.10.15	a) Media Polimer bagi <i>Filter</i> Media Polimer tidak ditukar menyebabkan perlanggaran ion yang tinggi.


Sumber: Jabatan Audit Negara

**Gambar 3.3**  
**Valve Tangki Penapis Bocor**  
**Di LRA Tanjong Mas**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LRA Tanjong Mas  
Tarikh: 13 November 2015

**Gambar 3.4**  
**Valve Tangki Penapis Bocor**  
**Di LRA Tanjong Mas**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LRA Tanjong Mas  
Tarikh: 13 November 2015

**Gambar 3.5**  
**Kebocoran di Tangki Sand Filter**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LRA Wakaf Bunut  
Tarikh: 28 November 2015

**Gambar 3.6**  
**Kebocoran di Tangki UF**  
**Di LRA Wakaf Bunut**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LRA Wakaf Bunut  
Tarikh: 28 November 2015

- iii. Lima alatan pengujian atau instrumen di 5 loji tidak dikalibrasi seperti yang ditetapkan iaitu sekali dalam tempoh setahun supaya ujian asas kualiti air dapat dibaca dengan tepat seperti **Jadual 3.8**.

**Jadual 3.8**  
**Peralatan Instrumentasi Tidak Dikalibrasi**

Bil.	Loji Rawatan Air	Peralatan	Tarikh Akhir Disenggarakan	Catatan
1.	Tanjong Mas	Ujian Turbidity dan Klorin	20.02.2014	-
2.	Pintu Geng	Ujian Klorin, pH dan <i>Turbidity</i>	20.02.2014	-
3.	Wakaf Bunut	<i>Raw dan Treated Water Analyzer</i>	30.01.2013	-
4.	Chicha	<i>Raw Water Analyzer</i>	Tiada Maklumat	Rosak
5.	Wakaf Bharu	Ujian Klorin, pH dan <i>Turbidity</i>	16.2.2014	-

Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Semakan Audit terhadap 6 daripada 8 LRA yang dilawati pada bulan September 2015 pula mendapati, terdapat 14 peralatan loji yang tidak digunakan iaitu *Decanter*, *Mixer*, *UF Filter*, *Filter Press* dan *Flouride Preparations* seperti di **Jadual 3.9** dan **Gambar 3.7** hingga **Gambar 3.12**.

**Jadual 3.9**  
**Peralatan Loji Yang Tidak Digunakan**

Bil.	Loji Rawatan Air	Item	Harga (RM Juta)	Catatan
1.	Kelar	1 unit <i>Decanter</i>	0.07	-
		1 unit <i>Decanter</i>	0.41	-
		2 unit <i>Flouride Mixer</i>	0.40	-
		2 unit <i>Polimer Mixer</i>	0.30	-
2.	Chicha	2 unit <i>Pottasium Mixer</i>	0.54	-
		1 unit <i>Raw Water Analyzer</i>	2.91	-
3.	Perol	1 unit <i>Filter Press</i>	Tiada Maklumat	-
4.	Wakaf Bharu	1 unit <i>Filter Press</i>	Tiada Maklumat	-
5.	Wakaf Bunut	1 unit <i>UF Filter</i>	Tiada Maklumat	Jun 2015 tempoh terakhir digunakan. Alat tidak dapat digunakan kerana bacaan kekeruhan air mentah melebihi 20 NTU.
		1 unit <i>Flouride Mixer</i>	Tiada Maklumat	-
6.	Lojing	<i>Water Analyzer</i>	Tiada Maklumat	-

Sumber: AKSB

**Gambar 3.7**  
**Filter Press Tidak Digunakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LRA Perol  
Tarikh: 19 November 2015

**Gambar 3.8**  
**Filter Press Tidak Digunakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LRA Wakaf Bharu  
Tarikh: 20 November 2015

**Gambar 3.9**  
**Peralatan Yang Tidak Digunakan**



**Flouride Mixer**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LRA Chicha  
Tarikh: 21 November 2015

**Gambar 3.10**  
**Peralatan Yang Tidak Digunakan**



**Pottasium Mixer**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LRA Chicha  
Tarikh: 21 November 2015

**Gambar 3.11**  
**Peralatan Yang Tidak Digunakan**



**Flouride Mixer**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LRA Chicha  
Tarikh: 21 November 2015

**Gambar 3.12**  
**Peralatan Yang Tidak Digunakan**



**Decanter**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LRA Chicha  
Tarikh: 21 November 2015

- v. Lawatan Audit pada 12,13, 19 dan 20 Oktober 2015 ke LRA Kelar, Tanjung Mas, Wakaf Bharu dan Perol mendapati persekitaran muka sauk dipenuhi semak samun dan rumput menjalar, peralatan loji yang tidak digunakan dibiarkan berselerak, stok bahan kimia tidak disimpan di tempat tertutup, jalan menuju ke loji tidak berturap dan sebagainya seperti di **Jadual 3.10** dan **Gambar 3.13** hingga **Gambar 3.17**.

**Jadual 3.10**  
**Penyenggaraan Kawasan Sekitar Loji Rawatan Air**

Bil.	Loji Rawatan Air	Perkara
1.	Kelar	a) Persekitaran muka sauk dipenuhi semak samun dan rumput menjalar. b) Peralatan loji lama yang tidak digunakan dibiarkan berselerak. c) Pagar rosak.
2.	Tanjung Mas	a) Persekitaran LRA dipenuhi semak - samun dan rumput menjalar. b) Peralatan loji lama yang tidak digunakan dibiarkan berselerak. c) Stok <i>Sodium Hypochlorite</i> disimpan di tempat yang tidak tertutup.
3.	Wakaf Bharu	a) Tiang pintu pagar rosak. b) Jalan tidak berturap. c) Peralatan loji lama yang tidak digunakan dibiarkan berselerak. d) Kuarters kakitangan berada di dalam kawasan LRA.
4.	Perol	a) Stor LRA Perol dijadikan Unit Agihan Kota Bharu Selatan dan berada di dalam kawasan LRA.

Sumber: Jabatan Audit Negara

**Gambar 3.13**  
**Persekitaran Muka Sauk**  
**Kurang Memuaskan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LRA Kelar  
Tarikh: 11 November 2015

**Gambar 3.14**  
**Persekitaran Muka Sauk**  
**Kurang Memuaskan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LRA Kelar  
Tarikh: 11 November 2015



**Gambar 3.15**  
**Persekitaran LRA Yang Kurang**  
**Memuaskan**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LRA Tanjung Mas  
Tarikh: 13 November 2015

**Gambar 3.16**  
**Stok Sodium Hypochlorite**  
**Di Kawasan Terdedah**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: LRA Tanjong Mas  
 Tarikh: 13 November 2015

**Gambar 3.17**  
**Pendosaan Sodium Hypochlorite**  
**Secara Manual**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: LRA Tanjong Mas  
 Tarikh: 13 November 2015

#### e. Pengurusan Enap Cemar Tidak Mematuhi Peraturan

- i. Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekitar (Efluen Perindustrian 2009), menyatakan tiada seorang pun boleh membuang atau membenarkan pembuangan atau pelupusan apa-apa enap cemar yang dihasilkan daripada mana-mana proses pengeluaran atau pembuatan mana-mana sistem pengolahan efluen perindustrian atau LRA ke atas atau ke dalam mana-mana tanah atau permukaan mana-mana tanah atau ke dalam mana-mana perairan pedalaman atau perairan Malaysia tanpa kebenaran bertulis Ketua Pengarah JPS terlebih dahulu.
- ii. Lawatan Audit mendapati 4 LRA tidak mempunyai sistem rawatan enap cemar iaitu penggunaan tangki enap cemar atau lagun enap cemar. Pelupusan enap cemar yang terhasil daripada proses rawatan air dibuang ke dalam longkang dan mengalir ke sungai seperti **Jadual 3.11**. Pembuangan enap cemar ke sungai akan menyumbang kepada pencemaran air sungai dari segi warna serta kandungan bahan kimia yang terdapat dalam enap cemar tersebut. **Gambar 3.17** hingga **Gambar 3.20** menunjukkan pembuangan enap cemar ke dalam longkang dan mengalir ke sungai.

**Jadual 3.11**  
**Pengurusan Tangki Enap Cemar**

Bil.	Loji Rawatan Air	Lagun/Tangki Enap Cemar	Kaedah Pelupusan Enap Cemar
1.	Kelar	/	Tangki Enap Cemar
2.	Wakaf Bunut	x	Sungai
3.	Tanjong Mas	x	Sungai
4.	Perol	x	Sungai
5.	Pintu Geng	/	Tangki Enap Cemar
6.	Wakaf Bharu	x	Sungai
7.	Chicha	/	Sungai

Sumber: Jabatan Audit Negara



**Gambar 3.18**  
**Pembuangan Sisa Enap Cemar ke dalam**  
**Longkang dan Sungai Pengkalan Datu**



Sumber: Jabatan Audit Dalam AKSB  
Lokasi: LRA Perol

**Gambar 3.19**  
**Pembuangan Sisa Enap Cemar ke dalam**  
**Longkang dan Sungai Pengkalan Datu**



Sumber: Jabatan Audit Dalam AKSB  
Lokasi: LRA Perol



**Gambar 3.20**  
**Pembuangan Sisa Enap Cemar ke dalam**  
**Longkang dan Sungai Pengkalan Datu**

Sumber: Jabatan Audit Dalam AKSB  
Lokasi: LRA Perol

- iii. **Mengikut maklum balas AKSB bertarikh 25 Februari 2016, AKSB mengambil maklum teguran Audit. Penambahbaikan akan dibuat bagi mengatasi masalah tersebut.**

**f. Projek Telaga Jejari Tidak Berfungsi Dengan Sempurna**

- i. Projek pembinaan telaga jejari adalah untuk membekalkan sumber air mentah kepada Loji Rawatan Air (LRA) bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan air di samping sebagai telaga penapis. Daripada 8 LRA yang diaudit, 4 LRA mempunyai telaga jejari iaitu LRA Pintu Geng, Wakaf Bunut, Wakaf Bharu dan Chicha. Pihak Audit mendapati kesemua telaga jejari tidak mencapai sasaran kapasiti reka bentuk pengeluaran yang ditetapkan menyebabkan kesemua telaga jejari ini tidak dapat mengatasi kekurangan sumber air untuk diproses oleh LRA. Selain LRA Pintu Geng, didapati telaga jejari bagi tiga (3) LRA lain masih tidak dapat mengatasi kekeruhan dan *chloride* (garam) yang tinggi.

- ii. Telaga jejari di LRA Pintu Geng dibina dengan kapasiti reka bentuk pengeluaran 30jln dan pam air yang digunakan mampu untuk mengepam 30jln air mentah sehari. Walau bagaimanapun, telaga jejari tersebut hanya mengeluarkan 10jln pengeluaran air sehari.
  
- iii. Lawatan Audit ke LRA Wakaf Bunut mendapati telaga jejari tidak dapat membekalkan air mentah kepada LRA sebagaimana sepatutnya. Bagi mengatasi masalah bekalan air mentah, dua buah pam tambahan yang dipasang di dalam sungai berdekatan telaga jejari digunakan untuk menyalurkan air dari sungai terus ke dalam telaga seperti di **Gambar 3.21** hingga **Gambar 3.26**. Telaga jejari tidak dapat berfungsi sebagai penapis menyebabkan kekeruhan air mentah melebihi bacaan 20 NTU seperti di **Jadual 3.12**. Keadaan ini disebabkan oleh pasir sebagai penapis semula jadi semakin berkurangan dan *backwash system* yang tidak berfungsi. Manakala Telaga Jejari Wakaf Bunut tidak dapat mengatasi kekeruhan air mentah iaitu melebihi 20 NTU menyebabkan loji baru sistem UF seperti di **Gambar 3.27** dan **Gambar 3.28** tidak dapat beroperasi. Kesannya objektif pembinaan loji baru sistem UF dan telaga jejari Wakaf Bunut tidak mencapai sasaran. Kegagalan *Sistem UF* mengakibatkan LRA Wakaf Bunut terpaksa menggunakan sistem *bypass* untuk merawat air. Kekurangan sumber air mentah oleh telaga jejari akan menyebabkan pengambilan air mentah daripada sumber air sungai lebih tinggi kuantitinya berbanding telaga jejari dan seterusnya meningkatkan kos bahan kimia untuk rawatan air. Pencapaian kapasiti pengeluaran telaga jejari adalah seperti di **Jadual 3.13**.
  
- iv. Pihak Audit berpendapat AKSB tidak sepatutnya menggunakan Sistem UF untuk telaga jejari Wakaf Bunut kerana Sistem UF telah pun terlebih dahulu diguna pakai di LRA Ayer Lanas/Gemang yang telah gagal.

**Jadual 3.12**  
**Bacaan Kualiti Air Mentah Melebihi 20 NTU di LRA Wakaf Bunut**

Bil.	Masa	Tarikh						
		30/07/15	31/07/15	01/08/15	02/08/15	03/08/15	04/08/15	05/08/15
1.	8.00 Pagi	146.50	127.50	88.32	-	30.10	22.40	33.10
2.	12.00 Tengah hari	139.50	126.30	64.30	-	31.50	21.28	30.10
3.	4.00 Petang	137.20	122.50	115.00	-	30.00	80.40	26.90
4.	8.00 Malam	135.40	88.60	107.00	35.90	28.50	58.20	26.00
5.	12.00 Malam	-	137.20	88.25	93.50	25.70	25.70	49.20
6.	4.00 Pagi	-	126.40	88.36	81.20	23.10	24.30	45.70

Sumber: AKSB

**Jadual 3.13**  
**Pencapaian Kapasiti Pengeluaran Telaga Jejari**

Bil.	Loji Rawatan Air	Sumber	Kos (RM)	Reka Bentuk Kapasiti Telaga Jejari (Jlh)	Kapasiti Pengeluaran Telaga Jejari (Jlh)	(%)
1.	Wakaf Bunut	Telaga Jejari/ Sg. Rasau	5.74 juta	25	8	32.0
2.	Pintu Geng	Telaga Jejari/ Telaga Tiub	4.47 juta	30	10	33.3
3.	Chicha	Telaga Jejari/ Telaga Tiub	5.71 juta	30	12	40.0
4.	Wakaf Bharu	Telaga Jejari/ Telaga Tiub	6.59 juta	25	12	48.0

Sumber: AKSB

Nota: TM – Tiada Maklumat

**Gambar 3.21**  
**Telaga Jejari**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LRA Wakaf Bunut  
Tarikh: 28 November 2015

**Gambar 3.22**  
**Rumah Pam Telaga Jejari**




Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LRA Wakaf Bunut  
Tarikh: 28 November 2015

**Gambar 3.23**  
**Sg. Rasau Sumber Telaga Jejari**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LRA Wakaf Bunut  
Tarikh: 28 November 2015

**Gambar 3.24**  
**Sistem Backwash Yang Tidak Berfungsi**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LRA Wakaf Bunut  
Tarikh: 28 November 2015

**Gambar 3.25**  
**Dua Buah Pam Tambahan Dipasang**  
**Di Sg. Rasau**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: LRA Wakaf Bunut  
 Tarikh: 28 November 2015

**Gambar 3.26**  
**Bypass proses Sistem UF**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: LRA Wakaf Bunut  
 Tarikh: 28 November 2015

**Gambar 3.27**  
**Komponen Sistem UF Yang**  
**Tidak Dapat Digunakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: LRA Wakaf Bunut  
 Tarikh: 28 November 2015

**Gambar 3.28**  
**Komponen Sistem UF Yang**  
**Tidak Dapat Digunakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: LRA Wakaf Bunut  
 Tarikh: 28 November 2015

- v. Semakan Audit mendapati sumber air mentah yang dibekalkan oleh telaga jejari LRA Chicha sejumlah 12 jlh berbanding 30 jlh mengikut kapasiti reka bentuknya. Kekurangan bekalan ini disebabkan kandungan *Chloride* dalam air telaga jejari melebihi 250 ppm. Kandungan *chloride* yang tinggi menyebabkan LRA Chicha terpaksa menghadkan pengeluaran air dari telaga jejari sebanyak 12 jlh bagi mengawal sumber air mentah yang masin seterusnya mengakibatkan pengeluaran bekalan air terawat tidak mencukupi untuk menampung keperluan pengguna.
- vi. Pihak Audit berpendapat kegagalan telaga jejari adalah disebabkan:
  - Kajian keperluan/kesesuaian pembinaan telaga jejari tidak dilaksanakan secara menyeluruh seperti kesesuaian struktur tanah dan aliran sumber air.

- Kekurangan pasir sungai sebagai medium penapis semula jadi menyebabkan kekeruhan Sungai Rasau yang tinggi seterusnya menyebabkan penapis UF di LRA Wakaf Bunut tidak berfungsi.
- Tekanan air rendah menyebabkan air tidak mengalir masuk untuk ditapis oleh sistem *River Bank Filtration* (RBF) seperti di Sungai Rasau.
- Sumber air mentah daripada mata air bagi telaga jejari di LRA Chica mengandungi *chloride* yang tinggi.

vii. **Mengikut maklum balas AKSB bertarikh 25 Februari 2016, AKSB mengambil maklum teguran Audit. Penambahbaikan akan dibuat bagi mengatasi masalah tersebut.**

#### 3.4.2.2. Prestasi *Non Revenue Water* (NRW) Tidak Mencapai Sasaran

- Non Revenue Water* (NRW) ialah jumlah kuantiti air yang telah dirawat dan disalurkan ke dalam sistem bekalan air tetapi tidak memberi pulangan hasil. Secara teknikal, NRW ialah jumlah pengeluaran air bersih terawat yang dibekalkan dan ditolak dengan jumlah penggunaan yang dibilkan menggunakan meter dan penggunaan yang dibilkan tanpa meter. Pada bulan Mei 2008, AKSB telah menyediakan pemetaan *Geographic Information Sistem* (GIS) bagi sistem bekalan air negeri Kelantan dengan kos bernilai RM5.6 juta. Negeri Kelantan telah menerima sejumlah RM131 juta peruntukan secara pinjaman di bawah Program NRW dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) pada tahun 2008. Projek NRW Fasa 1 bermula pada 27 Ogos 2008 hingga 26 Ogos 2011 melibatkan nilai kontrak berjumlah RM131 juta.
- Mengikut purata kebangsaan, kadar NRW ialah 36.4% bagi tahun 2012, 36.6% bagi tahun 2013 dan 35.6% bagi tahun 2014. Bagaimanapun, kadar NRW yang dicapai oleh AKSB adalah masih melebihi daripada purata kebangsaan iaitu 53.9% bagi tahun 2012, 53.1% bagi tahun 2013 dan 49.4% bagi tahun 2014. Kadar NRW yang tinggi adalah disebabkan oleh kebocoran di sepanjang paip yang sudah lama dan usang. Semakan Audit mendapati daripada 6,300 kilometer (km.) jumlah kepanjangan paip di seluruh Kelantan, hanya 37.47 km. atau 0.59% paip yang sudah ditukar kepada yang baru pada tahun 2009 dengan belanja keseluruhan berjumlah RM17.41 juta. Pihak Audit berpendapat penggantian paip perlu diteruskan bagi mengurangkan kebocoran.
- AKSB mewujudkan sistem zon untuk memudahkan pemantauan kebocoran dengan cara mereka bentuk dan mewujudkan *District Metering Area* (DMA) untuk menyukat isi padu aliran air bagi sesuatu kawasan yang di pecah kecilkan. Semakan Audit mendapati AKSB memiliki 180 DMA bernilai RM28.68 juta. Kesemua DMA tersebut

memantau kebocoran sepanjang 3,866.68 km. panjang paip atau 61.4% daripada keseluruhan 6,637 km. panjang paip di negeri Kelantan.

- d. **Mengikut maklum balas AKSB bertarikh 10 Mac 2016, AKSB mengambil maklum teguran Audit. Di antara punca kegagalan mencapai penurunan yang disasarkan ialah penggunaan paip yang uzur iaitu 60.4% atau 4,006km dari kepanjangan keseluruhan paip, tekanan dalam sistem agihan yang rendah yang menyukarkan kerja-kerja mencari kebocoran dan juga pengurusan billing.**

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti AKSB adalah kurang memuaskan disebabkan oleh pengurusan dan prestasi loji rawatan air (LRA) kurang memuaskan dan prestasi NRW tidak mencapai sasaran.

### 3.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu organisasi mempertingkatkan kecekapan dan membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat AKSB mendapati perkara seperti berikut:

#### 3.4.3.1. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Mengikut amalan terbaik yang dinyatakan dalam Buku Hijau – *Enhancing Board Effectiveness*, Lembaga Pengarah Syarikat bertanggungjawab untuk memastikan tadbir urus yang baik, menilai prestasi syarikat dan memastikan wujudnya kawalan dalaman yang berkesan. Semakan Audit mendapati mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sebanyak 5 kali pada tahun 2012, 4 kali pada tahun 2013 dan 5 kali pada tahun 2014. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat adalah berkaitan laporan operasi syarikat, laporan kewangan dan prestasi syarikat serta isu berkaitan bajet, perbelanjaan, pentadbiran dan sumber manusia.

#### 3.4.3.2. Unit Audit Dalam

Mengikut amalan terbaik, penubuhan Unit Audit Dalam adalah untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus bagi membantu organisasi mencapai matlamatnya. Matlamat Unit Audit Dalam adalah bagi mempertingkatkan keberkesanan proses tadbir urus, tahap pengurusan kewangan dan akauntabiliti dalam pentadbiran. Semakan Audit mendapati Jabatan Audit Dalam AKSB telah ditubuhkan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil 1/2014 yang diadakan pada 23 Februari 2014. Jabatan Audit Dalam ini telah melakukan pengauditan terhadap sumber air mentah (telaga tiub dan telaga jejari) dan kaunter hasil AKSB pada 23 April 2014 hingga 19 Jun 2014 dan hasil pengauditan dilaporkan di dalam Laporan Audit Dalam AKSB.

### **3.4.3.3. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan**

Mengikut amalan terbaik, Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan perlu ditubuhkan bagi memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham melalui kawalan dan pengawasan terhadap pengurusan syarikat. Antara fungsi utama Jawatankuasa adalah mengadakan kajian audit dan pemeriksaan khas, menyemak aktiviti dan pencapaian audit dalaman, mengkaji dan mengawasi rancangan korporat, mengkaji dan menentukan proses kawalan dalaman serta mengkaji dan memeriksa penyata kewangan syarikat. Semakan Audit mendapati AKSB baru menubuhkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil 1/2015 pada 8 April 2015 dan sehingga tarikh pengauditan masih belum mengadakan mesyuarat yang pertama. **Mengikut maklum balas AKSB bertarikh 25 Februari 2016, mesyuarat pertama Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan bagi tahun 2016 telah diadakan pada 22 Februari 2016.**

### **3.4.3.4. Rancangan Korporat**

Mengikut amalan terbaik, syarikat Kerajaan perlu menyediakan atau mengemas kini strategi dan rancangan korporat sebagai wawasan syarikat mencapai matlamat jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang. Rancangan korporat yang disediakan hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat dan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan. Rancangan korporat penting disediakan bagi merangka strategi pelaksanaannya bagi membentuk objektif dan matlamat yang realistik selaras dengan misi dan keupayaan organisasi. Ia juga dapat membantu syarikat memastikan penggunaan sumber yang lebih efektif dan hubungan yang baik serta hala tuju yang jelas antara kakitangan dan pihak pengurusan. Semakan Audit mendapati AKSB ada menyediakan rancangan korporat bagi tempoh jangka panjang iaitu Rancangan Perniagaan Boleh Pinda 3 Tahun bagi tahun 2015 hingga 2017. Rancangan Perniagaan ini telah diluluskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara pada 29 Jun 2015 dan dijadikan sebagai perancangan dasar dan asas kepada strategi pengurusan, operasi dan keperluan kewangan AKSB untuk tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun akan datang.

### **3.4.3.5. *Standard Operating Procedures***

Sistem dan prosedur yang lengkap, jelas dan menyeluruh dapat menyeragamkan urusan dan operasi harian sesebuah syarikat. Selain itu, ia memudah dan menyegerakan pihak pengurusan dalam membuat keputusan dan mengambil tindakan. Sistem dan prosedur yang berkesan mampu mempertingkatkan produktiviti sesebuah syarikat. Semakan Audit ke atas *Standard Operating Procedures* (SOP) AKSB mendapati hanya SOP Jabatan Kewangan & Hasil sahaja yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 8 April 2015 manakala SOP bagi 6 jabatan lain iaitu Jabatan Operasi dan Pengeluaran, Jabatan Teknikal dan Perancangan Pembangunan, Jabatan Perniagaan dan Korporat, Jabatan Kualiti dan Ansuran Kualiti, Jabatan Pengurusan Modal Insan dan Pentadbiran serta Jabatan Latihan Pembangunan Modal Insan masih belum disahkan oleh Lembaga

Pengarah. **Mengikut maklum balas daripada AKSB bertarikh 25 Februari 2016, SOP bagi jabatan yang masih belum diluluskan akan diselesaikan secepat mungkin.**

#### **3.4.3.6. Pembayaran Dividen**

Mengikut amalan terbaik, syarikat patut membayar dividen setiap tahun sebagai pulangan modal kepada Kerajaan selaku pemegang saham. Syarikat yang mempunyai keuntungan tetapi tidak bercadang untuk membayar dividen hendaklah memberikan butiran seperti sebab-sebab mengapa dividen tidak dapat dibayar, cadangan bayaran bonus kepada kakitangan (jika ada), cadangan penggunaan keuntungan dan asas-asasnya, kerugian terkumpul (jika ada) dan tahun kewangan di mana kerugian terkumpul dijangka boleh dihapuskan dan dividen dapat dibayar. Semakan Audit mendapati tiada dividen dibayar kepada pemegang saham semenjak tahun 2012 hingga 2014 walaupun keuntungan terkumpul AKSB ialah RM8.88 juta pada tahun 2012, RM8.27 juta pada tahun 2013 dan RM8.58 juta pada tahun 2014. **Mengikut maklum balas AKSB bertarikh 25 Februari 2016, AKSB mengambil maklum teguran Audit.**

#### **3.4.3.7. Corporate Integrity Pledge/Integrity Pact**

*Corporate integrity pledge* ialah ikrar yang dibuat oleh syarikat untuk tidak terlibat dengan sebarang aktiviti rasuah. Ia perlu disediakan dan ditandatangani oleh pihak syarikat sebagai langkah pencegahan rasuah. *Integrity pact* ialah ikrar di antara pegawai syarikat dan pembida yang terlibat dengan urusan perolehan untuk tidak terlibat dengan aktiviti rasuah. Ia perlu disediakan dan ditandatangani oleh kedua-dua pihak. Semakan Audit mendapati AKSB telah menyediakan Ikrar Integriti Korporat yang telah ditandatangani pada 26 November 2012. Manakala bagi *Integrity Pact*, AKSB hanya menyediakan Surat Akuan Pembida sahaja dalam urusan sebut harga/tender yang dilaksanakan. *Integrity Pact* bagi pegawai yang terlibat dengan perolehan, jawatankuasa terlibat perolehan, Ahli Lembaga/Jawatankuasa Perolehan, Pembida serta *Integrity Pact* bagi pelantikan perunding tidak dilaksanakan oleh AKSB. **Mengikut maklum balas AKSB bertarikh 25 Februari 2016, AKSB mengambil maklum teguran Audit. Penambahbaikan telah dibuat dengan menubuhkan Unit Integriti AKSB pada 1 November 2015.**

Pada Pendapat Audit, tadbir urus korporat AKSB adalah memuaskan.

### **3.4.4. Pengurusan Kewangan**

#### **3.4.4.1. Pengurusan Perolehan**

- a. Perolehan syarikat perlulah diuruskan dengan amalan tadbir urus yang baik (*good governance practice*) dengan mematuhi prinsip-prinsip seperti akauntabiliti, diurus secara telus, nilai faedah yang terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama. Pekeliling 1PP, PK4 para 10(i) (a)(1)(i) mengenai pentadbiran kontrak dalam perolehan kerajaan menyatakan “Khidmat pengangkutan adalah dibenarkan bagi



kontrak kerja yang bernilai melebihi RM500 ribu sahaja dan kenderaan Jabatan sedia ada tidak mencukupi untuk digunakan bagi tujuan tersebut.

- b. Semakan Audit terhadap Tender Pembekalan Dan Penghantaran Poly Aluminium Klorida Jenis 3 (Tangki dan Drum) untuk Rawatan Air mendapati sebuah kereta pacuan 4 roda dimasukkan ke dalam *preliminary item* bagi tender tersebut. Ini tidak selaras dengan peraturan Kerajaan yang menyatakan bahawa hanya kontrak kerja dengan nilai dan syarat tertentu dibenarkan memasukkan kenderaan ke dalam kontrak. Tender tersebut bagi tempoh 2 tahun bermula pada 1 Ogos 2015 hingga 31 Julai 2017 bernilai RM7.34 juta telah diluluskan oleh Jawatankuasa Tender Lembaga Pengarah pada 23 Jun 2015 tanpa maklumat berhubung pembekalan kenderaan dan lain-lain termasuk kos penyediaan bon, insurans dan duti setem yang kesemuanya berjumlah RM99,250. Surat Setuju Terima tender berkenaan telah ditandatangani oleh kontraktor pada 23 Julai 2015. Kenderaan tersebut telah diterima oleh Jabatan Operasi dan Pengeluaran AKSB pada 10 Ogos 2015. Sehingga Mac 2016 perjanjian kontrak antara AKSB dan syarikat belum dimuktamadkan.

**Pada pendapat Audit, perolehan kenderaan adalah tidak teratur kerana tidak mendapat kelulusan Jawatankuasa Tender Lembaga Pengarah AKSB.**

### **3.5. SYOR AUDIT**

Secara keseluruhannya, pengurusan AKSB adalah kurang memuaskan. Bagi tujuan penambahbaikan dan mempertingkatkan prestasi syarikat, pihak Audit mengesyorkan AKSB mengambil langkah berikut:

- 3.5.1.** Membuat perancangan yang terperinci dalam pembinaan dan menaik taraf LRA termasuk kajian impak dan kesesuaian pembinaan telaga jejari di LRA supaya pembaziran kos dapat dikurangkan, kuantiti dan kualiti air dapat dipertingkatkan.
- 3.5.2.** Memastikan setiap peralatan yang digunakan disenggara secara berkala dan memanfaatkan peralatan yang sedia ada.
- 3.5.3.** Pelupusan enap cemar mesti dilaksanakan dengan teratur mengikut peraturan dan undang-undang sebagai langkah memelihara alam sekitar.
- 3.5.4.** Mencari sumber air mentah yang lebih berkualiti dan mencukupi dari hulu sungai atau memiliki empangan/takungan air di hulu sungai.





---

**BAHAGIAN II**  
**PENGURUSAN KEWANGAN**  
**JABATAN/AGENSI**  
**NEGERI**

---



---

## **PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI**

---

### **4. PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI**

#### **4.1. PENDAHULUAN**

**4.1.1.** Seksyen 15(A) Akta Tatacara Kewangan, 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di sesebuah Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperolehi, diguna dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

**4.1.2.** Selaras dengan perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

#### **4.2. PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN KEWANGAN OLEH JABATAN/AGENSI KERAJAAN NEGERI**

**4.2.1.** Pada tahun 2015, beberapa usaha yang berterusan telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri. Antara langkah yang diambil adalah seperti berikut:

**4.2.2.** Bagi menambah baik pengurusan kewangan di semua peringkat Jabatan/Agensi Negeri, Perbendaharaan Negeri telah mengeluarkan 6 pekeliling/surat pekeliling pada tahun 2015 iaitu:

**4.2.2.1.** Pekeliling Perbendaharaan mengenai penyediaan bajet negeri bagi tahun 2016 dan 2017 dalam usaha mengurangkan defisit ke arah pencapaian matlamat bajet seimbang.

**4.2.2.2.** Pekeliling Perbendaharaan bertujuan memaklumkan persetujuan Kerajaan Negeri menerima pakai 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP) – Pengurusan Wang Awam WP1.4/2013 mengenai Kadar dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi.

**4.2.2.3.** Pekeliling Kontrak Pusat untuk mengawal perbelanjaan bagi perolehan perabot bagi tahun 2015/2016.

**4.2.2.4.** Pekeliling Kontrak Pusat untuk mengawal perbelanjaan bagi perkhidmatan percetakan bagi tahun 2015/2016.

**4.2.2.5.** Pekeliling Kontrak Pusat untuk mengawal perbelanjaan bagi perolehan komputer bagi tahun 2015/2016.

**4.2.2.6.** Surat Pekeliling bertujuan memaklumkan mengenai peraturan Penutupan Akaun Kerajaan Negeri bagi tahun kewangan 2015.

### 4.3. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI

**4.3.1.** Bagi menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang seperti Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 serta peraturan yang berkaitan, setiap tahun Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri. Bagi Jabatan, aspek pengurusan kewangan yang dinilai adalah Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Wang Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Manakala bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Agensi pula, selain dari aspek tersebut, aspek lain yang turut dinilai ialah Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan.

**4.3.2.** Bermula pada tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti dengan memberi penarafan 4 bintang kepada Agensi Kerajaan yang cemerlang. Setiap aspek yang diperiksa/dinilai itu akan diberi markah dan akhirnya Jabatan/Agensi yang dinilai akan ditentukan penarafan (*ranking*) berdasarkan jumlah markah keseluruhan yang diperolehi. Bagi memenuhi keperluan semasa Sektor Awam di samping memberi penilaian yang setara dengan penarafan oleh Agensi lain, Jabatan Audit Negara telah menaikkan penarafan Cemerlang daripada 4 bintang kepada 5 bintang mulai tahun 2015 seperti di **Jadual 4.1** berbanding dengan 4 bintang pada 2014 seperti di **Jadual 4.2**.

**Jadual 4.1**  
**Tahap Penarafan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti Tahun 2015**

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 – 100	Cemerlang	
80 – 89.9	Baik	
70 – 79.9	Memuaskan	
60 – 69.9	Kurang Memuaskan	
59.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

**Jadual 4.2**  
**Tahap Penarafan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti Tahun 2014**

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 - 100	Sangat Baik	
70 – 89.9	Baik	
50 – 69.9	Memuaskan	
49.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

#### 4.4. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri, pengauditan telah dijalankan untuk menentukan sama ada:

- 4.4.1. Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.
- 4.4.2. Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan, pengurusan akaun amanah, aset dan inventori, pelaburan serta pinjaman.
- 4.4.3. Pengurusan kewangan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- 4.4.4. Rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

#### 4.5. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pada tahun 2015, pengauditan telah dijalankan di 17 Jabatan/Agensi Negeri berdasarkan pusingan, manakala pengauditan setiap tahun dilaksanakan terhadap satu Jabatan Negeri iaitu Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri yang telah ditetapkan sebagai Jabatan Negeri yang wajib diaudit pada setiap tahun mulai tahun 2012. Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2015 di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2014 bagi menentukan kedudukan prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri secara menyeluruh.

#### 4.6. KAWALAN UTAMA

Pelaksanaan sistem penarafan bagi 12 Jabatan Negeri adalah berdasarkan pencapaian pengurusan kewangan mengikut 8 kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Wang Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor serta

Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Manakala 6 Agensi Negeri dinilai melalui 8 kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Wang Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor, Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan. Penjelasan lanjut mengenai kawalan-kawalan tersebut adalah seperti berikut:

#### **4.6.1. Kawalan Pengurusan**

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanan Unit Audit Dalam dan jawatankuasa yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

##### **4.6.1.1. Struktur Organisasi**

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini sepertimana yang ditetapkan di Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.
- b. Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemas kini. Had kuasa dan tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab perlu dinyatakan dengan jelas. Seksyen 15A(2), Akta Tatacara Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101 adalah berkaitan.
- c. Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan Senarai Tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubung kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai Tugas ini juga perlu sentiasa dikemas kini.
- d. Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 dipatuhi. Selaras dengan pekeling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi melahirkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

##### **4.6.1.2. Sistem Dan Prosedur**

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur telah diwujudkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:



- a. Proses Kerja berkaitan pengurusan kewangan disediakan dan sentiasa dikemas kini dalam Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- b. Senarai Tugas disediakan dan sentiasa dikemas kini. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- c. Pemeriksaan Dalaman (seperti yang ditetapkan di bawah AP 308) dijalankan dari semasa ke semasa terhadap sebahagian atau keseluruhan kewajipan kewangan atau perakaunan (termasuk perakaunan Aset Awam) yang dilakukan oleh pegawai di bawah kawalannya, bagi memastikan prosedur yang betul sentiasa diikuti. Perihal mengenai kewajipan yang diperiksa dan hasil pemeriksaan hendaklah direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut.
- d. Pemeriksaan Mengejut (seperti yang ditetapkan di bawah AP 309) dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam tempoh 6 bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna bagi menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan hendaklah direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

#### **4.6.1.3. Jawatankuasa Kewangan Dan Unit Audit Dalam**

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui pekeliling, arahan dan garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan pelbagai jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, kerajaan juga telah mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan urus setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

##### **a. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun**

1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) PS 5.1 menetapkan bahawa Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) hendaklah ditubuhkan di setiap Jabatan/Agensi Kerajaan/Pusat Tanggungjawab untuk memantapkan pengurusan kewangan dan akaun. JPKA hendaklah mengadakan mesyuarat setiap 3 bulan sekali, membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan JPKA kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

## **b. Unit Audit Dalam**

1PP PS 3.1 menghendaki Setiausaha Kerajaan Negeri menubuhkan Unit Audit Dalam (UAD) di bawah organisasi/pentadbirannya bagi membantu memantapkan pengurusan kewangan dan mencapai matlamat organisasi secara berhemat, cekap dan berkesan. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam, mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif selewat-lewatnya pada 31 Januari tahun semasa dan Laporan Tahunan Audit Dalam selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya. Sementara itu, tanggungjawab Ketua Eksekutif adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

## **c. Pengurusan Sumber Manusia**

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberikan kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga perlu merancang dan melaksanakan pusingan tugas mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang. Jabatan/Agensi Negeri juga digalakkan memberi pengiktirafan kepada kakitangan yang cemerlang dan mengambil tindakan tatatertib/surcaj terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

### **4.6.2. Kawalan Bajet**

Bagi menentukan sama ada Jabatan/Agensi Negeri telah menguruskan bajet dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah peruntukan dan analisis bajet seperti berikut:

#### **4.6.2.1. Penyediaan Bajet**

AP 29 hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lain, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan, ketepatan anggaran, prosedur kelulusan bajet di peringkat Jabatan/Agensi Negeri serta tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Pegawai Kewangan Negeri.

#### **4.6.2.2. Pengagihan Peruntukan**

Peraturan kewangan mengenai pengagihan peruntukan antara lain menetapkan bahawa Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94 pula pemegang waran peruntukan boleh yang mana perlu, menyerahkan sebahagian daripada peruntukan di bawah kawalannya kepada pegawai lain dengan mengeluarkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai tersebut. Pengagihan peruntukan ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

#### **4.6.2.3. Kelulusan Pindah Peruntukan**

Peraturan kewangan mengenai pindah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahan yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat pada tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Pegawai Kewangan Negeri atau wakilnya tidak lewat daripada 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diurus dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan tambahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

#### **4.6.2.4. Analisis Bajet**

Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan setiap perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang dilakukan mempunyai peruntukan dan perbelanjaan tersebut tidak melebihi peruntukan yang diluluskan. Pegawai Pengawal dikehendaki membuat perancangan dengan teliti agar tidak berlaku kekerapan pindah peruntukan. Sebarang peruntukan tambahan/khas/luar jangka/pindah peruntukan yang diluluskan untuk menampung peruntukan yang tidak mencukupi hendaklah dibelanjakan. AP 18(i), 1PP PB 2.5 dan 1PP PB 2.6 ada berkaitan.

#### **4.6.3. Kawalan Terimaan**

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

#### **4.6.3.1. Kawalan Borang Hasil**

Kawalan terhadap pelbagai borang hasil seperti buku resit adalah penting bagi memastikan ia tidak disalahgunakan.

#### **4.6.3.2. Penerimaan Wang**

Setiap Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan pegawai yang bertanggungjawab dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap beberapa aspek kawalan dalaman yang ditetapkan oleh AP atau peraturan yang ditetapkan oleh Agensi Negeri bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima kutipan, kawalan penerimaan wang di kaunter, penerimaan melalui mel dan perbankan *internet* serta pengeluaran resit dan perekodannya dalam Buku Tunai.

#### **4.6.3.3. Kemasukan Pungutan Ke Bank**

AP telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank, kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya, semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

#### **4.6.3.4. Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil**

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam AP dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri, ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai.

#### **4.6.3.5. Akaun Belum Terima**

Dasar dan tatacara penyelenggaraan dan pelaporan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh kerajaan melalui 1PP WP 10.6 dan AP 89A. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Laporan Tunggakan Hasil atau Laporan ABT yang lengkap dan kemas kini, penyerahan Laporan ABT kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

#### **4.6.4. Pengurusan Perolehan**

Setiap tahun Jabatan/Agensi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi memastikan perolehan dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus baik dengan mematuhi prinsip perolehan seperti akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, memberi nilai faedah yang terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama, semakan Audit telah dijalankan terhadap 2 aspek utama kawalan perolehan iaitu perancangan perolehan dan kaedah perolehan meliputi pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender dan kontrak.

##### **4.6.4.1. Perancangan Perolehan**

1PP PK 2 menetapkan Jabatan/Agensi perlu membuat perancangan perolehan bagi mengawal kos dan menangani masalah melaksanakan sesuatu perolehan. Perancangan perolehan tahunan hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan.

##### **4.6.4.2. Kaedah Perolehan**

1PP PK 2 menetapkan kaedah perolehan bagi bekalan dan perkhidmatan yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga RM20,000 hendaklah dilaksanakan secara Pembelian Terus dengan mendapatkan 3 tawaran harga daripada pembekal tempatan, perolehan melebihi RM20,000 hingga RM50,000 setahun secara sebut harga dengan mempelawa daripada sekurang-kurangnya 3 pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan, melebihi RM50,000 hingga RM500,000 secara sebut harga dengan mempelawa daripada sekurang-kurangnya 5 pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan melebihi RM500,000 secara tender. Antara peraturan perolehan yang ditetapkan adalah proses penilaian, pertimbangan dan keputusan pemilihan sebut harga/tender oleh Jawatankuasa Sebut Harga/Lembaga Perolehan yang dilantik oleh Ketua Jabatan/Pegawai Pengawal, pelaksanaan *Integrity Pact*, kontrak dibuat atas nama kerajaan dan ditandatangani dalam tempoh 4 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan.

#### **4.6.5. Kawalan Perbelanjaan**

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 2 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

##### **4.6.5.1. Perakaunan**

Semakan Audit dijalankan bagi menentukan Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Jabatan/Agensi Negeri mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling dan AP yang berkaitan.

#### **4.6.5.2. Pengurusan Bayaran**

Semakan Audit dijalankan terhadap bayaran mengikut had kuasa berbelanja yang diluluskan, kawalan dalaman proses bayaran, bayaran yang memerlukan kelulusan khas, penyelenggaraan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil, bayaran pukat serta Panjar Wang Runcit.

#### **4.6.6. Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit**

Pengurusan dan kawalan terhadap kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut Pekeliling dan Arahan Amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengurusan kumpulan wang seperti berikut:

##### **4.6.6.1. Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah**

Tatacara pengurusan Akaun Amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 ditetapkan melalui 1PP WP 10.4. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian kumpulan wang amanah/akaun amanah di Jabatan/Agensi Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan Penyata Terimaan Dan Bayaran tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian.

##### **4.6.6.2. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman**

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan kumpulan wang pinjaman dan pendahuluan diri mengikut pekeliling perbendaharaan berkaitan seperti berikut atau peraturan yang ditetapkan oleh Agensi Negeri:

- a. Pinjaman kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di 1PP WP 9.2 dan 1PP WP 9.3.
- b. Pinjaman komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di 1PP WP 9.1.
- c. Pendahuluan diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di 1PP WP 3.2.

##### **4.6.6.3. Pengurusan Akaun Deposit**

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan melalui AP 156 hingga 163. Manakala bagi Agensi Negeri yang mempunyai peraturan kewangan dan perakaunan sendiri, pengurusan akaun deposit perlu mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

#### **4.6.7. Pengurusan Aset Dan Stor**

Perolehan aset dan barang stor perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan daripada berlaku pembaziran dan penyalahgunaan. Sehubungan itu, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan yang ditetapkan oleh pekeliling perbendaharaan yang berkenaan dan peraturan Agensi Negeri berhubung dengan perkara seperti berikut:

##### **4.6.7.1. Kawalan Umum**

Mengikut 1PP AM 1.1, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Aset, Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa Pelupusan, Jawatankuasa Penyiasat dan Pemverifikasi Stor. Unit tersebut diberi tanggungjawab menjadi Urus Setia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK), menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaras penyediaan laporan aset dan stor. Selain itu, Pegawai Pengawal perlu melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap Pusat Tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha JKPAK.

##### **4.6.7.2. Penerimaan**

Mengikut 1PP AM 2.2 dan 1PP AM 6.2, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset/barang stor yang diterima. Tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/barang stor yang diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum membuat pengesahan penerimaan. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraan. Bagi penerimaan barang stor, Borang Terimaan Barang-Barang perlu disediakan oleh Pegawai Penerima. Sebarang kerosakan atau perselisihan kuantiti dan spesifikasi hendaklah dilaporkan dalam Borang Laporan Penerimaan Aset/Borang Laporan Terimaan Barang-Barang dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal.

##### **4.6.7.3. Pendaftaran**

1PP AM 2.3 menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut perlu dilabelkan dengan tanda Hak Kerajaan Malaysia dan nombor siri pendaftaran.

##### **4.6.7.4. Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset**

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset dan stok diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan peraturan seperti berikut dipatuhi.

- a. 1PP AM 2.4 menetapkan aset hendaklah diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja. Pengeluaran/penggunaan aset hendaklah direkodkan dengan teratur dan kerosakan dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan.
- b. Aset perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai. Aset dan barang stor yang menarik atau berharga hendaklah sentiasa di bawah kawalan yang maksimum. Stor hendaklah mengamalkan cara penyimpanan yang menjadikan stok tidak mudah rosak, senang dikeluarkan dan mempunyai ruang penggunaan yang optimum.
- c. Pengerusi JKPAK hendaklah melantik sekurang-kurangnya 2 orang Pegawai Pemeriksa dan 2 orang Pemverifikasi Stor. Tempoh lantikan tidak melebihi 2 tahun. Pemeriksaan aset dan verifikasi stor terhadap semua aset dan stok hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Aset Alih Bernilai Rendah serta Laporan Pemeriksaan/Verifikasi Stor hendaklah disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri yang mana berkenaan. 1PP AM 2.4 dan 1PP AM 6.6 ada berkaitan.

#### **4.6.7.5. Penyenggaraan Aset**

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan Senarai Aset Yang Memerlukan Penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini, jadual penyenggaraan disediakan, penyenggaraan dilaksanakan seperti dirancang serta direkodkan dengan betul dan lengkap, program penyenggaraan dinilai, penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. 1PP AM 2.5 adalah berkaitan.

#### **4.6.7.6. Pelupusan**

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP AM 2.6, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Lembaga Pemeriksa Pelupusan (LPP) dilantik untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. LPP perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan melaksanakan pemeriksaan dalam tempoh satu bulan dari tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangani dengan mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.
- b. Perakuan Pelupusan hendaklah dikeluarkan bagi aset mekanikal, teknikal, elektrik/elektronik dan ICT oleh pegawai yang mempunyai kelayakan dalam bidang tersebut.



- c. Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan pelupusan dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh kelulusan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada Kuasa Melulus. Rekod aset yang telah dilupuskan perlu dikemaskinikan.

#### **4.6.7.7. Kehilangan Dan Hapus Kira**

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP AM 2.7, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari masa kehilangan diketahui. Ketua Jabatan menyedia dan menghantar Laporan Awal Kehilangan Aset kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh 2 hari bekerja. Salinan Laporan Awal hendaklah dikemukakan kepada Akauntan Negara, Ketua Audit Negara dan wakil tempatan Ketua Audit Negara.
- b. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu dari tarikh Laporan Awal ditandatangani. Jawatankuasa Penyiasat bertanggungjawab menyediakan Laporan Akhir dalam tempoh satu bulan dari tarikh pelantikan. Pegawai Pengawal bertanggungjawab mengesyorkan tindakan menghapus kira aset yang hilang. Laporan Akhir yang mengandungi permohonan hapus kira kehilangan hendaklah dikemukakan kepada Kuasa Melulus dalam tempoh 2 bulan dari tarikh Laporan Awal disediakan. Sijil Hapus Kira Aset hendaklah dikemukakan kepada Kuasa Melulus dalam tempoh satu bulan dari tarikh kelulusan diperolehi.

#### **4.6.8. Pengurusan Kenderaan Kerajaan**

Bagi memastikan kenderaan kerajaan diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP WP 4.1, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

**4.6.8.1.** Penggunaan kenderaan Jabatan/Agensi Negeri dikawal dengan melantik seorang Pegawai Kenderaan yang bertanggungjawab meluluskan penggunaan kenderaan untuk tujuan rasmi sahaja, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta membuat analisa kadar penggunaan bahan api bulanan.

**4.6.8.2.** Kad Inden disimpan oleh Pegawai Kenderaan setiap masa melainkan ada keperluan mengisi minyak. Buku Rekod Pergerakan Kad Inden diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian/Penyata Kad perlu disemak silang dengan resit sebelum bayaran dilakukan.

**4.6.8.3.** Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR) disimpan oleh Pegawai Kenderaan setiap masa melainkan ada keperluan menggunakannya. Buku Rekod

Pergerakan Dan Penggunaan KSBTTR perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Pegawai Kenderaan hendaklah mendapatkan penyata penggunaan kad daripada syarikat pengeluar kad untuk tujuan semakan bagi memastikan tidak berlakunya penyalahgunaan kad.

**4.6.8.4.** Kenderaan perlu diselenggarakan secara berjadual. Butir penyenggaraan dan pembaikan yang dilaksanakan direkod dalam Buku Log dan Daftar Penyenggaraan Harta Modal.

#### **4.6.9. Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman**

**4.6.9.1.** Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi suatu tempoh masa untuk memperoleh pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

**4.6.9.2.** Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kehidupan penduduk. Pinjaman hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dimohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan serta mekanisme kawalan dan pemantauan pinjaman.

#### **4.6.10. Pengurusan Penyata Kewangan**


Keperluan penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan untuk diaudit adalah mengikut Mesyuarat Perhubungan Antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Bil. 1 tahun 2009 dan Arahan Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan Bil. 1 Tahun 2009. Arahan Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan Bil. 1 Tahun 2009 menghendaki Agensi Negeri mengemukakan Penyata Kewangan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat dari 30 April setiap tahun. Ini membolehkan Penyata Kewangan dan Laporan Tahunan Agensi Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Pekeliling ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di semua Agensi Negeri. Di samping itu, pembentangan awal membolehkan *stakeholders* menilai prestasi Agensi Negeri dengan lebih jelas, lengkap dan relevan.

## 4.7. PENEMUAN AUDIT

### 4.7.1. Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan

Pada keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2015 adalah baik. Pada tahun 2015, daripada 18 Jabatan/Agensi yang diaudit, sebanyak 13 Jabatan/Agensi Negeri mendapat tahap penarafan cemerlang, 4 Jabatan/Agensi mendapat penarafan pada tahap baik dan satu Jabatan mendapat penarafan pada tahap memuaskan. Bilangan Jabatan/Agensi yang mendapat tahap cemerlang pada tahun 2015 (5 bintang iaitu 90 markah ke atas) pada tahun 2015 adalah 13 berbanding 7 pada tahun 2014. Tahap prestasi pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti mengikut Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2015 adalah seperti di **Carta 4.1**.

**Carta 4.1**  
**Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti**  
**Jabatan/Agensi Negeri Pada Tahun 2015**




Sumber: Jabatan Audit Negara

## 4.7.2. Tahap Pematuhan Terhadap Kawalan Utama

### 4.7.2.1. Jabatan Negeri

- a. Semakan Audit di 12 Jabatan mendapati 10 Jabatan mencatatkan tahap cemerlang dan masing-masing satu Jabatan mencapai tahap baik dan tahap memuaskan dalam Kawalan Pengurusan. Kesemua 12 Jabatan memperoleh tahap cemerlang dalam Kawalan Bajet. Bagi Kawalan Perbelanjaan pula 11 Jabatan memperoleh tahap cemerlang dan satu Jabatan pada tahap baik. Manakala bagi Kawalan Perolehan, 5 Jabatan memperoleh tahap cemerlang, 4 Jabatan pada tahap baik, 2 Jabatan pada tahap memuaskan dan satu Jabatan pada tahap kurang memuaskan. Bagi Kawalan Terimaan, 8 Jabatan memperoleh tahap cemerlang, 2 Jabatan pada tahap baik dan tahap kurang memuaskan. Selain itu, bagi Pengurusan Aset Dan Deposit, 7 Jabatan memperoleh tahap cemerlang dan 4 Jabatan berada pada tahap baik. Bagi Kawalan Terimaan, 8 Jabatan memperoleh tahap cemerlang dan 4 Jabatan berada pada tahap baik. Tujuh Jabatan memperoleh tahap cemerlang dalam Pengurusan Akaun Amanah Dan Deposit, dan masing-masing 2 Jabatan pada tahap baik dan tahap kurang memuaskan. Selain itu, bagi Pengurusan Aset Dan Stor pula 9 Jabatan berada pada tahap cemerlang, 2 Jabatan pada tahap baik dan satu Jabatan pada tahap tidak memuaskan. Manakala bagi pengurusan kenderaan, 7 Jabatan memperoleh tahap cemerlang, 2 Jabatan berada pada tahap baik dan masing-masing satu Jabatan pada tahap memuaskan, tahap kurang memuaskan dan tahap tidak memuaskan. Tahap pematuhan pengurusan kewangan mengikut kawalan bagi Jabatan adalah seperti di **Carta 4.2**.

**Carta 4.2**  
Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan Mengikut Kawalan Utama  
Bagi 12 Jabatan Negeri Tahun 2015



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: Satu Jabatan Tidak Berkaitan Bagi Kawalan Pengurusan Akaun Amanah dan Deposit

b. Kelemahan-kelemahan yang ditemui bagi Jabatan Negeri yang mendapat penarafan tidak memuaskan adalah seperti berikut:

**i. Pengurusan Aset Dan Stor**

- Pegawai Penerima tidak dilantik secara bertulis dan tiada pegawai bertauliah menjalankan pemeriksaan teknikal.
- Daftar Harta Modal (KEW.PA-2) dan Daftar Aset Alih Bernilai Rendah (KEW.PA-3) tidak diselenggarakan dengan kemas kini.
- Pengeluaran barang-barang stor tidak teratur.
- Pengiraan stok tidak dilaksanakan di Stor Pusat, Stor Utama dan Stor Unit secara berperingkat mengikut suku tahun bagi sepanjang tahun apabila berlaku transaksi penerimaan dan pengeluaran.
- Pemeriksaan ke atas semua stok secara 100% di Stor Pusat dan Stor Utama tidak dilaksanakan.
- Laporan Pemeriksaan/Verifikasi Stor KEW.PS-14 tidak disediakan oleh Pegawai yang bertanggungjawab.
- Pemverifikasi Stor tidak dilantik dan verifikasi stor tidak dilaksanakan selepas pemeriksaan stok oleh Pegawai Pemverifikasi Stok di Stor Pusat dan Stor Utama.

**ii. Pengurusan Kenderaan**


- Peraturan-peraturan penyenggaraan tidak dipatuhi seperti tidak menyediakan KEW.PA-13, program penyenggaraan tidak disediakan dan tidak dilaksanakan.
- Buku Log kenderaan tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini dan penggunaan minyak yang tidak munasabah.
- Kad Inden Minyak disimpan oleh pemandu, Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini, Penyata Pembelian minyak tidak disemak dengan salinan resit dan tidak disahkan sebelum bayaran dibuat.
- Kenderaan tidak disenggarakan secara berjadual.

**4.7.2.2. Agensi Negeri**

a. Analisis terhadap tahap pencapaian pengurusan kewangan mendapati kesemua 6 Agensi Negeri mencapai tahap cemerlang dalam Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan dan Pengurusan Akaun Amanah Dan Deposit. Lima Agensi Negeri mencapai tahap cemerlang dalam Pengurusan Penyata Kewangan. Bagi Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Aset Dan Stor serta Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman pula masing-masing 4 Agensi Negeri mencapai tahap cemerlang. Sementara bagi Kawalan

Pengurusan pula 2 Agensi Negeri mencapai tahap cemerlang. Maklumat lanjut seperti di **Carta 4.3**.

**Carta 4.3**  
**Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan Mengikut Kawalan Utama**  
**Bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri Dan 5 Agensi Negeri Tahun 2015**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: Dua Agensi Tidak Berkaitan Bagi Kawalan Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman

- b.** Kelemahan-kelemahan yang ditemui bagi Agensi Negeri yang mendapat penarafan kurang memuaskan dalam pengurusan aset dan stor adalah seperti berikut:
- i.** Laporan Eksekutif Pengurusan Aset tidak dikemukakan kepada Ketua Agensi dalam tempoh yang ditetapkan.
  - ii.** Senarai Aset di Lokasi (KEW.PA-7) tidak diselenggarakan dengan kemas kini.
  - iii.** Pemeriksaan Aset tidak dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun.
  - iv.** Laporan Pemeriksaan Harta Modal (KEW.PA-10) dan Laporan Pemeriksaan Inventori (KEW.PA-11) tidak disediakan dan tidak dikemukakan kepada Ketua Agensi dalam tempoh yang ditetapkan.
  - v.** Fail Sejarah tidak diselenggarakan bagi setiap kenderaan dengan lengkap.
  - vi.** Kad Inden Minyak disimpan oleh pemandu, Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini, Penyata Pembelian minyak tidak disemak dengan salinan resit dan tidak disahkan sebelum bayaran dibuat.
  - vii.** Senarai harta modal yang memerlukan penyenggaraan (KEW.PA-13) tidak disediakan dan penyenggaraan yang dilaksanakan tidak direkodkan dengan lengkap dan kemas kini dalam Daftar Penyenggaraan Harta Modal (KEW.PA-14) dan Daftar Penyenggaraan Aset Bernilai Rendah (KEW.PA-14A).


viii. Laporan Lembaga Pemeriksa (KEW.PA-17) tidak disediakan dan tidak dikemukakan kepada Urus Setia Pelupusan dalam tempoh 2 minggu selepas pemeriksaan dijalankan.

#### **4.7.3. Perbandingan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri**

**4.7.3.1.** Analisis Audit terhadap Jabatan/Agensi Negeri yang telah dilaksanakan pengauditan pada setiap tahun bagi tempoh 2010 hingga 2015, menunjukkan tahap prestasi pengurusan kewangan Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri adalah sangat baik bagi 3 tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2012 hingga 2014 dan mencapai tahap cemerlang pada tahun 2015.

**4.7.3.2.** Analisis perbandingan terhadap 17 Jabatan/Agensi Negeri yang telah dilaksanakan pengauditan pusingan kali kedua/ketiga bagi tahun 2009/2010, 2011/2012 dan 2015 menunjukkan 10 Jabatan/Agensi Negeri iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pejabat Pembangunan Negeri, Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Puteh, Jabatan Bekalan Air, Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan, Jabatan Kehakiman Syariah, Majlis Daerah Kuala Krai, Majlis Daerah Tanah Merah, Pejabat Tanah Dan Jajahan Gua Musang dan Pejabat Tanah Dan Jajahan Bachok mencapai tahap cemerlang pada tahun 2015 berbanding tahap baik pada tahun 2012 atau sebelumnya. Majlis Daerah Pasir Puteh, Majlis Daerah Machang dan Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan mengekalkan prestasi cemerlang/sangat baik pada tahun 2015 berbanding pengauditan tahun sebelumnya. Selain itu, analisis perbandingan turut menunjukkan Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pengairan Dan Saliran mengalami penurunan markah tetapi masih mengekalkan tahap prestasi pengurusan kewangan yang baik. Bagaimanapun analisis menunjukkan 2 Jabatan/Agensi Negeri mengalami penurunan tahap prestasi pengurusan kewangan daripada sangat baik kepada baik iaitu Pejabat Tanah Dan Jajahan Tanah Merah dan Majlis Perbandaran Kota Bharu. Manakala satu Jabatan mengalami penurunan tahap prestasi daripada baik kepada memuaskan iaitu Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan seperti di **Carta 4.4**.

**Carta 4.4**  
**Tahap Pencapaian Pengurusan Kewangan**  
**Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2015 Berbanding Tahun Sebelumnya**



Sumber: Jabatan Audit Negara

#### 4.8. PEMERIKSAAN AUDIT MENGEJUT

**4.8.1.** Pemeriksaan Audit Mengejut merupakan satu pendekatan audit yang dilaksanakan tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan kepada pihak Auditi. Semakan dijalankan terhadap borang hasil dikawal, hasil, wang awam, harta awam, barang berharga yang disimpan oleh Pejabat/Agensi Kerajaan supaya diuruskan mengikut peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa serta wujud pematuhan kepada Arahan Perbendaharaan/Perkhidmatan termasuk juga lawatan dan tinjauan secara mengejut terhadap aktiviti dan operasi Jabatan/ Agensi.

**4.8.2.** Hasil daripada Pemeriksaan Audit Mengejut yang telah dijalankan mendapati secara keseluruhannya kelemahan yang berlaku adalah seperti di **Jadual 4.3**. Pemeriksaan Audit



mengejut yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya sejumlah 6 pejabat atau 50% daripada 12 pejabat tersebut telah mematuhi kesemua peraturan dan prosedur utama yang ditetapkan dan sejumlah 6 pejabat lagi atau 50% masih tidak mematuhi semua peraturan. Jabatan Pengairan Dan Saliran Jajahan Tanah Merah/Jeli, Pejabat Pertanian Jajahan Machang, Pejabat Pertanian Jajahan Pasir Puteh, Pejabat Veterinar Jajahan Pasir Puteh, Pejabat Perikanan Daerah Pasir Puteh dan Mahkamah Rendah Syariah Jajahan Machang yang didapati mematuhi peraturan dengan sepenuhnya. Ketua Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri yang berkenaan telah dimaklumkan berkenaan perkara yang dibangkitkan dan telah diminta untuk mengambil tindakan pembetulan dengan sewajarnya.

**Jadual 4.3**  
**Isu Audit Hasil Pemeriksaan Mengejut Bagi Tahun 2015**

Bil.	Jabatan/Agensi	Penemuan Audit
1.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Jajahan Machang	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Resit rasmi tidak dikeluarkan bagi setiap penerimaan.</li> <li>ii. Resit rasmi tidak dikeluarkan secara bersiri.</li> <li>iii. Daftar setem tidak disediakan.</li> <li>iv. Semua terimaan dan pengeluaran setem tidak dapat disahkan.</li> <li>v. Pemeriksaan mengejut tidak dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan.</li> </ul>
2.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Jajahan Kota Bharu	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Perakuan tidak dibuat di belakang helaian pertama buku resit salinan pejabat.</li> <li>ii. Baki stok resit rasmi yang belum digunakan tidak disimpan dalam peti besi atau bilik kebal.</li> <li>iii. Notis pemberitahuan awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar tidak dipamer.</li> <li>iv. Surat kelulusan had apungan panjar wang runcit gagal dikemukakan.</li> <li>v. Surat perwakilan kuasa secara bertulis tidak disediakan kepada pegawai yang memungut hasil.</li> <li>vi. Daftar setem tidak diselenggara.</li> <li>vii. Semua terimaan dan pengeluaran setem tidak dapat disahkan.</li> <li>viii. Peti besi/bilik kebal tidak digunakan untuk menyimpan segala wang kutipan dan barang-barang rasmi yang berharga.</li> <li>ix. Peti besi tidak dicantumkan pada rangka bangunan.</li> <li>x. Pesanan kerajaan diluluskan oleh pegawai yang tidak diberi kuasa.</li> </ul>
3.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Jajahan Pasir Puteh	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Daftar Borang Hasil tidak diselenggarakan.</li> <li>ii. Baki stok resit rasmi yang belum digunakan tidak disimpan dalam peti besi atau bilik kebal.</li> <li>iii. Notis pemberitahuan awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar tidak dipamer.</li> <li>iv. Surat kelulusan had apungan panjar wang runcit gagal dikemukakan.</li> <li>v. Surat perwakilan kuasa secara bertulis tidak disediakan kepada pegawai yang memungut hasil.</li> <li>vi. Peti besi/bilik kebal tidak digunakan untuk menyimpan segala wang kutipan dan barang-barang rasmi yang berharga.</li> <li>vii. Pemeriksaan mengejut tidak dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan.</li> <li>viii. Pesanan kerajaan diluluskan oleh pegawai yang tidak diberi kuasa.</li> </ul>

Bil.	Jabatan/Agensi	Penemuan Audit
4.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Jajahan Pasir Puteh	i. Pemeriksaan mengejut tidak dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan.
5.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Jajahan Bachok	i. Daftar pembayaran wang untuk dibahagi-bahagikan tidak dikemas kini dan tidak disemak. ii. Kad akses/kata laluan sistem komputer pegawai bersara tidak dibatalkan. iii. Semua terimaan dan pengeluaran setem tidak dapat disahkan. iv. Pemeriksaan mengejut tidak dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan.
6.	Mahkamah Rendah Syariah Jajahan Bachok	i. Semakan ke atas cetakan bank di slip bank/penyata pemungut tidak dibuat. ii. Baki stok borang hasil tidak dikemas kini. iii. Baki stok resit rasmi yang belum digunakan tidak disimpan dalam peti besi atau bilik kebal. iv. Anak kunci dan kod kombinasi dipegang oleh seorang pegawai sahaja.

Sumber: Jabatan Audit Negara

#### 4.9. SYOR AUDIT

Sungguhpun sebahagian besar prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2015 menunjukkan peningkatan, namun bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan ini, adalah disyorkan supaya Jabatan/Agensi Negeri mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

**4.9.1.** Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan Jawatankuasa Audit membincangkan secara terperinci isu-isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam serta memastikan tindakan *corrective* dan *preventive* diambil. Tindakan *corrective* adalah untuk memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetulkan. Manakala tindakan *preventive* adalah bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang.

**4.9.2.** Penglibatan/penyeliaan oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands-on* dalam urusan tersebut.

**4.9.3.** Latihan yang berterusan diberikan kepada pegawai-pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan.

**4.9.4.** Sentiasa peka terhadap pekeliling terbaru yang dikeluarkan oleh Kerajaan bagi membantu melicinkan lagi proses pengurusan kewangan di jabatan/agensi. Lembaga pengurusan agensi juga perlu segera memberi kebenaran kepada pihak pengurusan untuk mengguna pakai pekeliling atau arahan baru yang dikeluarkan tersebut.



---

PENUTUP

---



---

# PENUTUP

---

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Jabatan/Agensi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjejaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

**Jabatan Audit Negara**

**Putrajaya**

**18 Mac 2016**







---

[www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my)

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA  
NO. 15, ARAS 1-5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA